



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI  
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

*Garis Panduan*  
**PENILAIAN**  
**ANUGERAH**  
**KECEMERLANGAN**

**POLYCC**

---

**[AKPOLYCC]**

**- EDISI KEDUA -**

**GARIS PANDUAN**  
**ANUGERAH KECEMERLANGAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI**

Bahagian Governan dan Kecemerlangan  
Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti  
Kementerian Pendidikan Tinggi

Aras 7, Galeria PjH, Jalan P4W  
Persiaran Perdana Presint 4  
62100 W.P. Putrajaya  
Tel: 0388882250 | Faks: 0388887211

Edisi Pertama 2023  
Edisi Kedua 2024

Diterbitkan oleh:  
Bahagian Governan dan Kecemerlangan  
Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti  
Kementerian Pendidikan Tinggi  
Aras 7, Galeria Pjh, Jalan P4W,  
Persiaran Perdana Presint 4,  
62100 W.P. Putrajaya.  
Tel.: 0388882250 | Faks.: 0388887211  
[www.mypolycc.edu.my](http://www.mypolycc.edu.my)

© 2024 Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat, sama ada dengan cara elektronik, gambar dan rakaman serta sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Jabatan Pendidikan dan Kolej Komuniti, Kementerian Pendidikan Tinggi terlebih dahulu.

## **RINGKASAN EKSEKUTIF**

Pengiktirafan kepada Politeknik dan Kolej Komuniti (POLYCC) cemerlang merupakan satu inisiatif daripada Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) sebagai pendorong kepada institusi untuk meneruskan kecemerlangan pada setiap tahun. Penilaian bagi anugerah ini bermula dari bulan Januari sehingga Disember pada tahun semasa berpandukan rubrik/kriteria pemarkahan yang disediakan oleh semua bahagian terlibat. Anugerah ini mula diperkenal bermula tahun 2022 dan diteruskan pada setiap tahun bagi meraikan kecemerlangan yang dicapai oleh POLYCC dalam mencapai visi iaitu menjadi peneraju institusi Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) yang unggul. Bermula tahun 2024 kaedah penganugerahan adalah sedikit berbeza berbanding tahun-tahun sebelum, di mana hanya satu anugerah yang akan diberikan kepada enam POLYCC mengikut kategori POLYCC. Anugerah ini merangkumi 13 kriteria utama yang melambangkan kecemerlangan POLYCC yang berkualiti seperti berikut:

1. Pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI)
2. Industry Education Centre (IEC)
3. Kolaborasi Impak Tinggi
4. Kebolehpasaran Graduan
5. Penyedia Latihan Peningkatan Kemahiran Industri
6. Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) Kolej Komuniti
7. Pengurusan Penilaian dan Pentaksiran
8. Pengurusan Kewangan
9. Kelestarian Ambilan Pelajar
10. Pembelajaran Digital
11. Pembangunan Kompetensi TVET Warga POLYCC
12. Inovasi Kreatif
13. Harta Intelek

Buku Garis Panduan Anugerah Kecemerlangan Politeknik dan Kolej Komuniti ini diharap dapat memberikan pemahaman kepada semua warga di Politeknik dan Kolej Komuniti (POLYCC) tentang standard kecemerlangan dalam pendidikan dan tadbir urus POLYCC. Buku ini juga menjadi panduan komprehensif yang merangkumi

pelbagai aspek penting yang perlu diambil kira oleh POLYCC untuk mencapai tahap keunggulan yang tinggi. Ia tidak hanya sekadar satu pengiktirafan, tetapi juga suatu dorongan untuk meningkatkan kualiti pengajaran, pembelajaran, dan penyelidikan. Anugerah ini diharap dapat memacu POLYCC untuk mencapai tahap prestasi yang tinggi, memberi manfaat kepada pelajar dan masyarakat secara keseluruhannya.

## ISI KANDUNGAN

<b>Ringkasan Eksekutif</b>	<b>ii</b>
<b>Senarai Lampiran</b>	<b>v</b>
<b>1.0 Pendahuluan</b>	<b>1</b>
<b>2.0 Pengenalan</b>	<b>1</b>
2.1 Punca Kuasa	2
2.2 Latar Belakang	2
2.3 Objektif Anugerah Kecemerlangan Politeknik Dan Kolej Komuniti	3
<b>3.0 Kaedah Penilaian Penganugerahan</b>	<b>3</b>
3.1 Komponen Instrumen Penilaian	5
3.2 Instrumen Penilaian Kriteria AKPOLYCC	6
3.2.1 Pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI)	7
3.2.2 Industry Education Centre (IEC)	10
3.2.3 Kolaborasi Impak Tinggi	13
3.2.4 Kebolehpasaran Graduan	15
3.2.5 Penyedia Latihan Peningkatan Kemahiran Industri	17
3.2.6 Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) Kolej Komuniti	20
3.2.7 Pengurusan Pentaksiran dan Penilaian	22
3.2.8 Pengurusan Kewangan	24
3.2.9 Kelestarian Ambilan Pelajar	26
3.2.10 Pembelajaran Digital	28
3.2.11 Pembangunan Kompetensi TVET Warga Polycc	30
3.2.12 Inovasi Kreatif	32
3.2.13 Harta Intelek	34
<b>4.0 Penutup</b>	<b>38</b>
<b>Lampiran Instrumen Pemarkahan</b>	<b>28</b>

## **SENARAI LAMPIRAN**

Lampiran 1 : Rubrik Pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI)	41
Lampiran 2(a) : Rubrik Industry Education Centre (IEC) – COT	43
Lampiran 2(b) : Rubrik Industry Education Centre (IEC) – IOC	46
Lampiran 3(a) : Rubrik Kolaborasi Impak Tinggi Kategori Politeknik Premier & APACC	48
Lampiran 3(b) : Rubrik Kolaborasi Impak Tinggi Kategori Politeknik Konveksional	50
Lampiran 3(c) : Rubrik Kolaborasi Impak Tinggi Kategori Politeknik Metro	52
Lampiran 3(d) : Rubrik Kolaborasi Impak Tinggi Kategori Kolej Komuniti Kluster 1	54
Lampiran 3(e) : Rubrik Kolaborasi Impak Tinggi Kategori Kolej Komuniti Kluster 2	56
Lampiran 3(f) : Rubrik Kolaborasi Impak Tinggi Kategori Kolej Komuniti Kluster 3	58
Lampiran 4(a) : Rubrik Kebolehpasaran Graduan Kategori Politeknik Premier & APACC	60
Lampiran 4(b) : Rubrik Kebolehpasaran Graduan Kategori Politeknik Konvensional	63
Lampiran 4(c) : Rubrik Kebolehpasaran Graduan Kategori Politeknik METrO	66
Lampiran 4(d) : Rubrik Kebolehpasaran Graduan Kategori Kolej Komuniti Kluster 1	69
Lampiran 4(e) : Rubrik Kebolehpasaran Graduan Kategori Kolej Komuniti Kluster 2	72
Lampiran 4(f) : Rubrik Kebolehpasaran Graduan Kategori Kolej Komuniti Kluster 3	75
Lampiran 5 : Rubrik Penyedia Latihan Peningkatan Kemahiran Industri	78
Lampiran 6(a) : Rubrik Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) Kategori Kolej Komuniti Kluster 1	80

Lampiran 6(b) : Rubrik Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) Kategori Kolej Komuniti Kluster 2	83
Lampiran 6(C): Rubrik Pembelajaran Sepanjang Hayat (Psh) Kategori Kolej Komuniti Kluster 3	86
Lampiran 7 : Rubrik Pengurusan Penilaian Dan Pentaksiran	89
Lampiran 8 : Rubrik Pengurusan Kewangan	93
Lampiran 9 : Rubrik Kelestari Ambilan Pelajar	94
Lampiran 10(a) : Rubrik Pembelajaran Digital Kategori Politeknik	95
Lampiran 10(b) : Rubrik Pembelajaran Digital Kategori Kolej Komuniti	96
Lampiran 12(a) : Rubrik Inovasi Kreatif Kategori Politeknik	110
Lampiran 12(b) : Rubrik Inovasi Kreatif Kategori Kolej Komuniti	112
Lampiran 13(a) : Rubrik Harta Intelek Kategori Politeknik Premier & Apacc	114
Lampiran 13(b) : Rubrik Harta Intelek Kategori Politeknik Konvensional, Metro dan Kolej Komuniti Kluster 1	119
Lampiran 13(c) : Rubrik Harta Intelek Kategori Kolej Komuniti Kluster 2 dan Kluster 3	123

## **1.0 PENDAHULUAN**

Garis panduan ini disusun bagi memberikan penerangan yang komprehensif mengenai setiap kriteria utama penilaian untuk Anugerah Kecemerlangan Politeknik dan Kolej Komuniti (AKPOLYCC). Ia berfungsi sebagai sumber rujukan utama kepada semua warga, di setiap peringkat organisasi, sama ada di peringkat Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) mahupun di Politeknik dan Kolej Komuniti (POLYCC). Garis panduan ini diharapkan dapat memastikan keseragaman dan ketelusan dalam proses penilaian serta membantu semua pihak memahami kriteria yang ditetapkan dengan lebih jelas dan terperinci.

## **2.0 PENGENALAN**

AKPOLYCC merupakan pengiktirafan berprestij yang dianugerahkan kepada POLYCC yang mencapai tahap kecemerlangan tertinggi, berdasarkan 13 kriteria penilaian yang telah ditetapkan. Anugerah ini adalah inisiatif yang diperkenalkan oleh Bahagian Governan dan Kecemerlangan (BGK), JPPKK, bertujuan untuk mengiktiraf pencapaian luar biasa dalam pelbagai bidang oleh POLYCC. Matlamat utama anugerah ini adalah untuk memupuk budaya kecemerlangan dalam pendidikan TVET, sekaligus memperkuuh kedudukan POLYCC sebagai peneraju dalam sektor tersebut.

Garis panduan AKPOLYCC menyediakan struktur penilaian yang menyeluruh dan telus, memastikan setiap institusi mendapat peluang yang sama untuk bersaing secara adil bagi meraih pengiktirafan ini. Dengan penilaian yang berlandaskan kriteria yang jelas, teliti dan bersifat objektif, anugerah ini bukan sahaja menggalakkan persaingan sihat antara institusi, tetapi juga membantu meningkatkan standard kualiti prestasi di seluruh POLYCC. Dalam usaha untuk mencapai kecemerlangan yang lebih tinggi, anugerah ini berfungsi sebagai pemangkin bagi POLYCC untuk terus berinovasi dan mengutamakan bidang-bidang strategik yang berkait rapat dengan keperluan industri dan pasaran kerja graduan.

Selain itu, garis panduan ini juga menggalakkan institusi untuk meneroka pendekatan baru dan kreatif dalam memenuhi standard yang ditetapkan. Secara keseluruhannya,

garis panduan AKPOLYCC memainkan peranan penting sebagai pemacu utama yang menginspirasi institusi untuk mencapai kecemerlangan, meningkatkan prestasi, serta memperluaskan sumbangan mereka dalam ekosistem pendidikan dan industri yang lebih luas.

## **2.1 PUNCA KUASA**

Mesyuarat Pengurusan Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (MPJPPKK) Bil. 4/2022 yang berlangsung pada 28 Februari 2022, satu keputusan penting telah dibuat untuk menetapkan penganugerahan tahunan kepada politeknik dan kolej komuniti. Selaras dengan keputusan tersebut, Bahagian Governan dan Kecemerlangan (BGK) telah diberikan tanggungjawab sebagai penyelaras utama untuk mengurus dan mengkoordinasikan pelaksanaan AKPOLYCC secara sistematik dan berkesan.

Manakala penetapan kaedah penilaian berdasarkan 13 kriteria kecemerlangan telah ditetapkan semasa Mesyuarat Pengurusan Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (MPJPPKK) Bil. 14/2024 yang berlangsung pada 16 Oktober 2024.

## **2.2 LATAR BELAKANG**

Menurut Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia melalui Panduan Pelaksanaan Pemberian Bentuk Pengiktirafan Pegawai Perkhidmatan Awam Versi 1.0 (2022) yang berkuat kuasa mulai pada 1 Januari 2022, perkhidmatan yang cemerlang ditakrifkan sebagai perkhidmatan yang mutu atau penghasilannya melebihi daripada keperluan tanggungjawab biasa bagi jawatannya yang seterusnya boleh dijadikan contoh serta memberi pengaruh kepada amalan budaya kerja berprestasi tinggi dan berinovasi di kalangan pegawai perkhidmatan awam yang lain.

Kerajaan sentiasa menghargai peningkatan kualiti kepada sesuatu perkhidmatan melalui beberapa pekeliling perkhidmatan yang dilaksanakan bagi mengiktiraf perkhidmatan cemerlang yang telah diberikan. Selaras dengan galakan daripada kerajaan, JPPKK telah sebulat suara bersetuju untuk menjadikan AKPOLYCC sebagai satu program tahunan dalam mengiktiraf peningkatan kualiti dan

kecemerlangan yang telah dilaksanakan dalam peringkat POLYCC. Secara tidak langsung AKPOLYCC juga merupakan satu inisiatif dalam memastikan perancangan Pelan Strategik Politeknik dan Kolej Komuniti bagi mentransformasikan TVET melalui sistem pendidikan tinggi negara untuk melonjak politeknik dan kolej komuniti ke arah kecemerlangan. Penganugerahan menjadi pemangkin bagi mendorong warga TVET dalam usaha merealisasikan inisiatif yang dirancang.

## **2.3 OBJEKTIF ANUGERAH KECEMERLANGAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI**

Tujuan utama pemberian anugerah ini kepada POLYCC adalah seperti berikut:

- a. Memberi pengiktirafan kepada kecemerlangan luar biasa oleh warga POLYCC;
- b. Memberi pengiktirafan kepada hasil sumbangan kreativiti dan inovasi institusi; dan
- c. Meningkatkan motivasi untuk membudayakan kecemerlangan dalam pelbagai aspek.

## **3.0 KADEAH PENILAIAN PENGANUGERAHAN**

Proses penilaian bagi penganugerahan ini dilaksanakan melalui penggunaan instrumen pemarkahan yang merangkumi rubrik atau kaedah penilaian yang jelas dan terperinci. Penggunaan instrumen ini bertujuan untuk memastikan proses pemarkahan kepada POLYCC dilakukan secara adil, telus dan berpandukan kepada prestasi sebenar. Melalui pendekatan ini, penilaian dibuat secara objektif dan menyeluruh, selaras dengan piawaian yang telah ditetapkan, bagi menjamin integriti dan ketelusan dalam proses penganugerahan. Anugerah ini melibatkan penilaian menyeluruh ke atas pencapaian institusi berdasarkan 13 kriteria kecemerlangan yang telah ditetapkan merangkumi kriteria berikut:

- a. Pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI);
- b. Industry Education Centre (IEC);
- c. Kolaborasi Impak Tinggi;
- d. Kebolehpasaran Graduan;
- e. Penyedia Latihan Peningkatan Kemahiran Industri;

- f. Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) Kolej Komuniti;
- g. Pengurusan Penilaian dan Pentaksiran;
- h. Pengurusan Kewangan;
- i. Kelestarian Ambilan Pelajar;
- j. Pembelajaran Digital;
- k. Pembangunan Kompetensi TVET Warga POLYCC;
- l. Inovasi Kreatif; dan
- m. Harta Intelek.

Setiap instrumen pengukuran kriteria dalam penilaian ini direka untuk menilai keupayaan institusi dalam mencapai tahap kecemerlangan yang konsisten, serta memastikan pencapaian Politeknik dan Kolej Komuniti (POLYCC) kekal relevan dan berdaya saing. Bagi pemarkahan yang menggunakan rubrik pemarkahan, skor keseluruhan ditentukan melalui hasil tambah nilai skala yang diperoleh, kemudian didarabkan dengan wajaran yang telah ditetapkan bagi setiap subkriteria, seperti yang dirumuskan berikut:

$$\text{Skor Markah} = \sum (\text{Nilai Skala} \times \text{Wajaran})$$

Bagi kriteria kecemerlangan yang menggunakan kaedah penilaian selain rubrik, skor pemarkahan diperoleh melalui kaedah pengiraan yang berbeza. Skor dikira berdasarkan jumlah pencapaian bagi setiap subkriteria, yang dibahagikan dengan nilai sasaran, kemudian didarabkan dengan nilai wajaran yang telah ditetapkan. Rumus matematik yang digunakan adalah seperti berikut:

$$\text{Skor Markah} = \sum \left( \frac{\text{Pencapaian}}{\text{Sasaran}} \times \text{Wajaran} \right)$$

Pendekatan ini memastikan bahawa penilaian dilakukan secara tepat dan berstruktur, sekaligus memberi gambaran mengenai prestasi sebenar berbanding sasaran yang ditetapkan. Seterusnya, skor bagi kesemua 13 kriteria kecemerlangan dijumlahkan secara keseluruhan untuk menentukan penerima Anugerah Kecemerlangan Politeknik dan Kolej Komuniti (AKPOLYCC) mengikut kategori POLYCC dengan merujuk kepada Kamus KPI terkini.

### **3.1 KOMPONEN INSTRUMEN PENILAIAN**

Komponen instrumen penilaian yang dibangunkan terdiri daripada struktur yang meliputi dimensi, kriteria, dan sub kriteria seperti berikut:

a. Dimensi

Merupakan komponen utama dalam penilaian yang menggambarkan aspek-aspek luas yang ingin dinilai. Dimensi ini memberikan kerangka kerja untuk memahami fokus utama instrumen.

b. Kriteria

Merujuk kepada konstruk yang lebih spesifik di dalam setiap dimensi. Kriteria ini berfungsi sebagai panduan untuk menilai bagaimana setiap dimensi dicapai dan diukur.

c. Subkriteria

Merupakan perincian atau item yang dinilai berdasarkan kriteria. Subkriteria ini memberikan maklumat yang lebih terperinci dan membantu dalam penilaian yang lebih tepat dan bersifat objektif terhadap setiap kriteria.

Contoh komponen dalam instrumen:

DIMENSI	KRITERIA	SUBKRITERIA
Aktiviti/Program Kolaborasi	Penglibatan di dalam pelaksanaan program bersama industri	Bilangan kolaborasi
		Latihan yang menghasilkan pensijilan yang diiktiraf kepada pelajar atau pensyarah
	Sumbangan	Nilai sumbangan peralatan, biasiswa, hadiah kecemerlangan pelajar, bantuan kewangan <i>one-off</i> pelajar dan perkongsian peralatan serta tempat program

Penilaian penganugerahan dibuat oleh bahagian berkaitan di JPPKK mengikut setiap subkriteria dalam instrumen. Prestasi pencapaian POLYCC dinilai mengikut skala

pemarkahan 1 hingga 5 yang mewakili indikator prestasi yang ditetapkan seperti berikut:

- i. Skala 1 : Lemah;
- ii. Skala 2 : Memuaskan;
- iii. Skala 3 : Sederhana;
- iv. Skala 4 : Baik; dan
- v. Skala 5 : Cemerlang.

Contoh skala pemarkahan:

SKALA PEMARKAHAN				
5	4	3	2	1
Penghasilan 5 atau lebih produk/servis bersama industri.	Penghasilan 4 produk/servis bersama industri.	Penghasilan 3 produk/servis bersama industri.	Penghasilan 2 produk/servis bersama industri.	Penghasilan 1 produk/servis bersama industri.

Pemarkahan bagi setiap subkriteria adalah berdasarkan wajaran atau pemberat yang ditetapkan mengikut kepentingan relatif setiap kriteria. Proses ini memastikan bahawa setiap subkriteria dinilai dengan mengambil kira tahap kepentingan kriteria yang dinyatakan, subkriteria yang lebih kritikal mendapat penekanan yang sewajarnya dalam penilaian keseluruhan. Pendekatan ini meningkatkan ketepatan dan objektif akhir, serta memberikan gambaran yang lebih menyeluruh terhadap pencapaian yang dinilai.

### **3.2 INSTRUMEN PENILAIAN KRITERIA AKPOLYCC**

Instrumen penilaian kriteria AKPOLYCC dibangunkan oleh bahagian yang berkaitan di JPPKK melalui proses penilaian komprehensif yang merangkumi aspek kompetensi, potensi, dan pencapaian POLYCC. Pembangunan instrumen ini bertujuan menyediakan panduan yang jelas kepada POLYCC dalam usaha mempertingkatkan kualiti dan produktiviti keseluruhan. Selain itu, instrumen ini berfungsi sebagai alat yang mendorong persaingan sihat, dengan objektif utama menggalakkan institusi untuk terus berusaha mencapai kecemerlangan dalam semua

bidang berkaitan. Bahagian ini menerangkan instrumen yang digunakan dalam penilaian dan pemarkahan bagi setiap kriteria kecemerlangan AKPOLYCC.

### **3.2.1 PENCAPAIAN PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)**

Key Performance Indicators (KPI), atau Petunjuk Prestasi Utama, adalah instrumen pengukuran yang memainkan peranan kritikal dalam menilai keberhasilan pencapaian objektif strategik di pelbagai peringkat termasuk individu, pasukan mahupun organisasi. Seperti yang dinyatakan oleh Neely et al. (2002), KPI bukan sekadar alat pengukuran prestasi, tetapi juga berfungsi sebagai mekanisme analisis bagi menilai sejauh mana sesuatu matlamat strategik telah direalisasikan. KPI berperanan dalam mengenal pasti tahap kemajuan dan ruang bagi penambahbaikan, serta memastikan pelaksanaan strategi berlaku dengan berkesan. Lebih daripada sekadar mengukur kejayaan, KPI menyediakan maklumat penting yang membolehkan organisasi menyesuaikan strategi mereka dengan lebih tepat dan tangkas. Oleh itu, KPI merupakan instrumen yang amat diperlukan dalam pengurusan prestasi dan perancangan strategik bagi mencapai matlamat yang disasarkan dengan lebih efektif.

Merujuk kepada Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 2 Tahun 2005 telah menyarankan supaya budaya kerja berasaskan prestasi diterapkan bertujuan meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan agensi kerajaan. Dengan adanya sistem KPI yang berstruktur, kualiti perkhidmatan dapat dipertingkatkan, di samping memastikan seluruh gerak kerja organisasi sentiasa berada di landasan yang tepat, relevan, dan berdaya saing.

KPI yang dibangunkan dan dilaksanakan oleh Politeknik dan Kolej Komuniti (POLYCC) merupakan instrumen yang digunakan untuk mengukur keberkesanan pelaksanaan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Kolej Komuniti (PSPKK). Pengwujudan KPI POLYCC adalah berdasarkan tujuh teras utama yang digariskan dalam PSPKK, yang menjadi asas dalam perancangan dan pelaksanaan inisiatif strategik untuk mencapai matlamat organisasi. Berikut adalah penerangan ringkas setiap teras PSPKK:

a. Menghasilkan Graduan TVET Berkualiti.

KPI dalam teras ini menilai kejayaan institusi dalam melahirkan graduan yang kompeten dan bersedia untuk menyertai pasaran kerja khususnya dalam bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET). Selain itu, teras ini memberi fokus dalam menghasilkan graduan yang holistik, berciri keusahawanan dan seimbang.

b. Memantapkan Governan yang Responsif dan Mampan.

Dalam teras ini, KPI digunakan untuk mengukur kecekapan tadbir urus organisasi. Pengurusan institusi yang baik adalah asas kepada kelangsungan organisasi yang mampan. KPI ini mengukur keberkesaan dalam aspek melestari tadbir urus yang berakauntabiliti dan cekap, memperkuuh jenama dan reputasi POLYCC serta pengurusan kewangan yang cekap dan berhemah. Institusi yang berupaya melaksanakan tadbir urus yang cekap akan lebih responsif terhadap perubahan serta mampu mencapai kestabilan jangka panjang.

c. Pemerkasaan Bakat.

Teras ini memberi tumpuan kepada pembangunan profesional kakitangan akademik di POLYCC. KPI digunakan untuk mengukur keberkesaan program pembangunan profesional bagi kakitangan akademik ke arah mempergiat perkongsian pengetahuan antara PPPT dan pengamal industri secara berterusan.

d. Pemantapan Program Pengajian.

Fokus utama bagi teras ini adalah penumpuan terhadap usaha untuk menghasilkan program pengajian berkualiti tinggi yang mampu memenuhi keperluan industri dan perubahan persekitaran global. Antara strategi utama yang dirancang untuk pelaksanaannya di peringkat POLYCC termasuk meningkatkan keberkesaan mekanisme penyampaian, khususnya dalam penggunaan teknologi dan bahan pembelajaran dan pengajaran berdasarkan digital.

e. Memperkuuh Kolaborasi Industri, Komuniti dan Alumni.

Fokus 5 menumpukan kepada keberhasilan dalam memanfaatkan perkongsian pintar antara industri dan institusi melalui usaha memperkuuh jaringan kerjasama strategik. Pendekatan ini bertujuan memastikan sinergi yang lebih erat antara kedua-dua pihak, yang bukan sahaja akan memperkayakan pengalaman pembelajaran pelajar, tetapi juga menyokong pembangunan kurikulum dan program akademik yang lebih relevan dengan keperluan industri semasa. Teras ini bertujuan mengukuhkan peranan POLYCC sebagai rakan strategik kepada pelbagai pihak berkepentingan, di samping memupuk hubungan yang saling menguntungkan.

f. Membudaya Penyelidikan dan Inovasi.

Pengukuran KPI bagi Teras 6 memberikan fokus kepada keberhasilan dalam membudayakan penyelidikan, inovasi, serta pemindahan pengetahuan dan teknologi yang bermanfaat. Ini dicapai melalui usaha memperkasakan ekosistem penyelidikan, inovasi, dan pemindahan teknologi, dengan tujuan memastikan perkembangan ilmu yang relevan dan aplikasi teknologi dapat dimanfaatkan oleh industri serta masyarakat secara lebih meluas.

g. Memperkuuh Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH).

KPI bagi teras terakhir ini bertujuan untuk memberi fokus kepada usaha melahirkan komuniti berkemahiran tinggi. Teras ini memastikan bahawa POLYCC terus relevan dalam memberikan peluang pendidikan kepada semua lapisan masyarakat, selaras dengan agenda pembelajaran sepanjang hayat negara.

Secara keseluruhannya, KPI POLYCC yang disesuaikan dengan tujuh teras PSPKK menjadi pemacu utama dalam memastikan pencapaian prestasi yang cemerlang. Dengan penilaian yang sistematik, KPI ini membantu POLYCC untuk kekal kompetitif, responsif terhadap perubahan, dan berdaya maju dalam menghadapi cabaran masa depan.

## **Kaedah Penilaian**

Penilaian bagi kriteria kecemerlangan pencapaian KPI POLYCC dijalankan melalui proses yang teratur dan telus, berdasarkan data pencapaian yang telah dimuat naik oleh POLYCC. Data tersebut kemudian melalui proses pengesahan oleh pemilik proses di jabatan bagi memastikan ketepatan dan kesahihan maklumat yang telah dimuat naik. Setelah proses pengesahan selesai, Unit Kecemerlangan Institusi (UKI), Bahagian Governan dan Kecemerlangan (BGK). Institusi akan memuat turun data tersebut untuk tujuan analisis dan penilaian lanjut. Proses ini bertujuan memastikan bahawa pencapaian KPI yang dinilai adalah tepat dan berintegriti. Data ini akan digunakan sebagai penilaian kriteria kecemerlangan ini.

## **Instrumen Penilaian**

Rujuk Lampiran 1.

### **3.2.2 INDUSTRY EDUCATION CENTRE (IEC)**

Kriteria Industry Education Centre (IEC) merupakan sebuah kriteria yang mengukur prestasi cemerlang dalam persekitaran pendidikan-industri. Penilaian bagi kriteria ini dibuat oleh Bahagian Perancangan Program dan Institusi (BPPI), JPPKK. IEC terdiri daripada dua (2) entiti utama, iaitu Centre Of Technology (COT) Politeknik dan Industry On Campus (IOC), Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK).

COT dilaksanakan berdasarkan tujuh (7) elemen utama COT iaitu kolaborasi, penyelidikan dan inovasi, perkhidmatan kepakaran, penerbitan, pengiktirafan, pengajaran dan pembelajaran, serta penjanaan pendapatan. Manakala IOC pula dijalankan dengan merujuk kepada empat (4) elemen utama IOC iaitu perancangan pengurusan IOC dan kewangan, mod pelaksanaan Industry On Campus (IOC), kolaborasi dan infrastruktur.

### **Pelaksanaan Kriteria Industry Education Centre (IEC)**

Pelaksanaan kriteria Industry Education Centre (IEC) merangkumi Centre of Technology (COT) dan Industry on Campus (IOC) adalah bertujuan untuk memperkuuh sinergi antara institusi pendidikan dan sektor industri. IEC memainkan peranan penting dalam memastikan POLYCC bukan sahaja menjadi pusat kecemerlangan dalam bidang teknologi tertentu, tetapi juga menjadi platform pembelajaran langsung daripada industri. Dengan pelaksanaan IEC, pelajar dapat belajar melalui program latihan dan projek industri yang relevan, yang seterusnya meningkatkan kemahiran praktikal dan kebolehpasaran mereka. Selain itu, IEC juga berfungsi sebagai landasan bagi POLYCC untuk bekerjasama dengan syarikat dalam pemindahan teknologi, penyelidikan bersama dan pembangunan inovasi. Ini menyokong misi POLYCC untuk menawarkan pendidikan berteraskan industri, memastikan graduan bersedia untuk cabaran dunia pekerjaan yang sebenar, dan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi melalui penghasilan bakat yang kompeten dan inovatif.

### **Impak Pelaksanaan Kriteria Centre Of Technology (COT) Dan Industry On Campus (IOC)**

Pelaksanaan penilaian COT dan IOC memberi impak signifikan dalam memperkuuh hubungan antara institusi pendidikan dan industri. Penilaian ini menggalakkan kolaborasi strategik yang menyumbang kepada peningkatan kualiti pendidikan teknikal serta kemahiran pelajar. Melalui COT, politeknik dapat menjadi pusat kecemerlangan dalam bidang teknologi tertentu, manakala IOC membolehkan pelajar memperoleh pengalaman dunia sebenar melalui penglibatan langsung dalam projek industri. Ini bukan sahaja meningkatkan kebolehpasaran graduan, tetapi juga menyokong pertumbuhan industri tempatan dengan menyediakan tenaga kerja yang lebih kompeten dan relevan.

## **Pelaksanaan Penilaian COT Dan IOC Disemua Peringkat Tanpa Mengira Prestasi Institusi**

Pelaksanaan penilaian COT dan IOC di semua peringkat tanpa mengira prestasi/status adalah penting untuk memastikan keseragaman dan keadilan dalam mengukur kualiti serta pencapaian setiap institusi. Pendekatan ini memastikan semua institusi, tanpa mengira saiz atau status, mendapat peluang yang sama untuk menunjukkan keupayaan mereka dalam bidang COT dan IOC. Selain itu, ia mendorong pembangunan berterusan di seluruh sistem POLYCC bagi memupuk inovasi dan pembelajaran berdasarkan industri di semua institusi, bukan hanya yang berada di prestasi tertinggi. Penilaian menyeluruh ini juga membantu mengenal pasti kekuatan dan ruang untuk penambahbaikan bagi setiap POLYCC supaya membolehkan institusi mencapai tahap kecemerlangan yang diharapkan.

### **Kaedah Penilaian**

Penetapan dimensi bagi kriteria penilaian pelaksanaan COT dan IOC adalah berdasarkan keperluan dan fokus unik setiap skop. Bagi COT, tiga (3) dimensi utama dipilih untuk menilai sejauh mana sesebuah politeknik berjaya dalam mencapai kecemerlangan teknologi dan inovasi:

1. Kolaborasi dan rangkaian COT: Fokus kepada sejauh mana institusi membina hubungan strategik dengan industri, rakan akademik, dan agensi lain untuk memperluas pengaruh dan sokongan teknologi.
2. Aktiviti penerbitan dan pengiktirafan: Menilai usaha institusi dalam menghasilkan penyelidikan, inovasi, serta penerbitan yang mendapat pengiktirafan di peringkat nasional dan antarabangsa.
3. Aktiviti pengajaran, pembelajaran dan penjanaan pendapatan COT: Mengukur keberkesanan pendekatan pendidikan yang mengintegrasikan teknologi, serta keupayaan institusi menjana pendapatan melalui penyelidikan atau perkhidmatan teknologi.

Sementara itu, bagi IOC, kriteria lebih menekankan aspek pengurusan dan pelaksanaan kolaborasi industri secara langsung di kampus:

1. Perancangan pengurusan IOC dan kewangan: Menilai perancangan strategik institusi dalam menguruskan pelaksanaan IOC dari segi sumber manusia dan kewangan untuk memastikan kelestarian projek.
2. Mod pelaksanaan IOC: Menilai cara pelaksanaan IOC dalam menyediakan ruang pembelajaran yang terlibat secara langsung dengan industri, sama ada melalui program latihan, penyelidikan bersama, atau projek komersial.
3. Elemen kolaborasi: Menilai tahap kerjasama dengan pihak industri dalam pelaksanaan IOC, sama ada melalui penyediaan kemudahan, tenaga pengajar dari industri, atau penglibatan pelajar dalam aktiviti industri secara langsung.

Perbezaan kriteria ini mencerminkan fokus COT terhadap kecemerlangan teknologi dan inovasi akademik, manakala IOC lebih menekankan kepada keterlibatan industri secara praktikal dan pengurusan sumber di institusi.

### **Instrumen Penilaian**

Rujuk Lampiran 2(a) bagi institusi yang menjalankan COT. Manakala, Lampiran 2(b) bagi institusi yang menjalankan IOC.

#### **3.2.3 KOLABORASI IMPAK TINGGI**

Kriteria AKPOLYCC Kolaborasi Impak Tinggi merujuk kepada aktiviti kolaborasi yang berterusan dan memberi manfaat kepada program pengajian, warga institusi dan komuniti bersama industri. Aktiviti-aktiviti yang dijalankan bertujuan untuk menyumbang ke arah pembangunan pembelajaran dan pengajaran, peningkatan kebolehpasaran graduan dan memperkasakan graduan agar lebih berdaya saing di pasaran kerja. Penilaian ke atas POLYCC dibuat oleh Bahagian Kolaborasi Industri dan Komuniti (BKIK), Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK).

Dua (2) aspek utama penilaian adalah melihat kepada inisiatif kolaborasi bersama industri dan keterlibatan industri yang bekerjasama bagi menghasilkan kolaborasi berimpak tinggi. Keberkesanan kolaborasi dilihat berdasarkan bilangan industri, jenis industri dan bentuk yang bekerjasama dengan POLYCC pada tahun yang dinilai.

Inisiatif ini mencerminkan kekuatan jaringan yang dibina, di mana semakin banyak pihak yang bekerjasama, semakin besar potensi impak yang boleh dihasilkan. Aktiviti kerjasama ini melibatkan pelbagai sektor industri melalui perkongsian pengetahuan, kepakaran, dan sumber daya yang lebih komprehensif.

Penilaian selanjutnya dibuat berdasarkan kebolehpasaran graduan, yang melibatkan kadar penempatan pekerjaan dalam tempoh enam (6) bulan selepas tamat latihan industri. Gaji permulaan graduan seharusnya sekurang-kurangnya mematuhi kelayakan minimum seperti yang dinyatakan dalam panduan gaji Kementerian Sumber Manusia.

Selain itu, penglibatan aktif industri juga sangat penting untuk menyokong perkembangan pelajar dan meningkatkan kemahiran pensyarah. Aspek ini dinilai melalui ketersediaan pihak industri dalam memberikan latihan berterusan kepada pelajar dan pensyarah, seperti melalui Program Sangkutan Industri Pensyarah (SIP), Latihan Industri Berstruktur (LIB), dan Work-Based Learning (WBL).

Aspek terakhir yang dinilai adalah sumbangan daripada industri. Ini merangkumi pemberian peralatan, kemudahan tempat latihan, biasiswa kepada pelajar, hadiah kecemerlangan akademik, serta bantuan kewangan. Selain itu, tajaan program latihan oleh industri juga memainkan peranan signifikan dalam menyediakan latihan kemahiran tambahan dan pensijilan profesional kepada pelajar dan pensyarah. Di samping itu, janaan pendapatan melalui inisiatif seperti program COT atau inkubator, serta dana untuk Penyelidikan, Pembangunan, Pengkomersialan, dan Inovasi (RDCI) bersama industri, turut dijadikan indikator utama bagi menilai keberkesanan kolaborasi. Keutamaan diberikan kepada inisiatif yang dapat membawa nilai kerjasama tinggi dan berterusan kepada POLYCC.

## **Kaedah Penilaian**

Kriteria penilaian yang digunakan adalah seperti berikut:

- a. Inisiatif kolaborasi bersama industri
  - i. Bilangan industri yang bekerjasama;

- ii. Jenis Industri bekerjasama (Hanya 1 jenis industri yang tertinggi akan dinilai); dan
  - iii. Aktiviti kerjasama berdasarkan kriteria aktiviti kolaborasi berimpak tinggi
- b. Keterlibatan Industri melibatkan jumlah keseluruhan nilai bagi aktiviti berikut:
  - i. Sangkutan Industri Pensyarah (SIP) di Industri;
  - ii. Latihan Industri Berstruktur (LIB) dan WBL; dan
  - iii. Sumbangan peralatan/tempat/biasiswa/hadiah kecemerlangan pelajar/bantuan kewangan oleh industri/Tajaan sepenuhnya atau secara separa: latihan kemahiran tambahan atau latihan pensijilan profesional kepada pelajar/pensyarah/Janaan pendapatan melalui inisiatif aktiviti bersama industri seperti COT/inkubator dan Inisiatif melalui Penyelidikan, Pembangunan, Pengkomersialan dan Inovasi (RDCI) bersama industri.

## Instrumen Penilaian

Rujuk Lampiran 3.

### 3.2.4 KEBOLEHPASARAN GRADUAN

Kriteria ini menilai pencapaian unggul POLYCC daripada segi penglibatan warga institusi dalam usaha pembangunan graduan yang berkualiti yang terbukti melalui kadar kebolehpasaran graduan yang tinggi. Penilaian kriteria ini adalah merujuk kepada data pencapaian yang diisi oleh institusi melalui Sistem SKPG secara tahunan dan pelaporan program yang disediakan oleh institusi.

Kriteria ini menyokong kepada Pelan Strategik Kebolehpasaran Graduan 2021 - 2025 sebagai satu dokumen dasar yang menjadi panduan kepada institusi pendidikan tinggi di negara ini dalam menjayakan agenda kebolehpasaran graduan seterusnya menghasilkan graduan yang kalis masa hadapan, holistik dan seimbang dengan nilai kebolehpasaran global.

Kebolehpasaran graduan juga terangkum di dalam PPPM (PT) 2015 - 2025 yang dirangka berlandaskan satu daripada lima aspirasi yang dinyatakan dalam PPPM (PT)

iaitu kualiti pendidikan tinggi yang mensasarkan peningkatan kadar kebolehpasaran kepada lebih 80% pada tahun 2025. Bab Sepuluh dokumen RMK-12 memberi fokus kepada pembangunan bakat masa hadapan dengan sasaran kebolehpasaran graduan mencapai 86.7% bagi IPTA dan institusi TVET.

Pelaksanaan penilaian Kebolehpasaran Graduan memberi impak signifikan dalam menyediakan graduan berkemahiran tinggi serta mampu mengisi keperluan industri tempatan dan global seiring dengan dinamika ekonomi dan teknologi. Penilaian ini menggalakkan pelaksanaan program intervensi, kolaborasi strategik dan penempatan terus ke pekerjaan yang menyumbang kepada peningkatan kualiti pendidikan teknikal serta kemahiran pelajar.

Pelaksanaan program intervensi membolehkan pelajar politeknik dan kolej komuniti untuk meningkatkan aspek kelayakan profesional, peningkatan kemahiran (*reskilling & upskilling*), keterampilan diri dan sahsiah. Melalui kolaborasi strategik, pelajar berpeluang memperolehi pendedahan teknologi dan kemahiran yang diperlukan seterusnya ditempatkan terus ke pasaran kerja selepas latihan industri. Secara keseluruhannya, penilaian kebolehpasaran graduan adalah pengukuran penting bagi meningkatkan mutu pendidikan tinggi, mengoptimumkan hasil pengajian pelajar, dan memastikan graduan dapat menyumbang secara efektif kepada pertumbuhan ekonomi serta masyarakat.

Pemarkahan ke atas POLYCC dibuat oleh Unit Kebolehpasaran Graduan, Bahagian Kolaborasi Industri dan Komuniti (BKIK), Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK). Kriteria ini mempunyai rubrik pemarkahan yang sama untuk semua politeknik dan kriteria pemarkahan yang berbeza untuk kolej komuniti iaitu mengikut kluster kolej.

## Kaedah Penilaian

Penilaian kriteria ini adalah berdasarkan tiga (3) dimensi utama mengikut POLYCC. Pertama, Kebolehpasaran Graduan merujuk kepada keupayaan institusi dalam mempersiapkan graduan yang memenuhi keperluan industri dan mampu berjaya dalam pasaran pekerjaan. Kedua, Intervensi *Graduate Employability* (GE)

mencerminkan usaha institusi dalam meningkatkan kebolehpasaran graduan melalui pelaksanaan program melalui pendekatan yang terarah. Ketiga, Latihan Industri Berstruktur (LIB) mencerminkan usaha institusi dalam menyediakan latihan industri yang berstruktur dan efektif untuk memperkuuh kebolehan graduan di dalam arena profesional.

Proses penilaian kriteria adalah seperti berikut:

- a. Proses analisis data Kajian Pengesanan Graduan (KPG) yang diekstrak dari Sistem e-Anjung untuk mendapatkan skor pencapaian bagi setiap POLYCC berdasarkan maklumat kajian yang telah dilengkapkan oleh graduan.
- b. Semakan dan penyenaraian program Intervensi GE, oleh Unit Kebolehpasaran Graduan merangkumi program peningkatan kemahiran, Karnival Kerjaya dan pelaksanaan program LIB di peringkat institusi melalui pelaporan pelaksanaan program.

### **Instrumen Penilaian**

Rujuk Lampiran 4.

#### **3.2.5 PENYEDIA LATIHAN PENINGKATAN KEMAHIRAN INDUSTRI**

Penyedia latihan peningkatan kemahiran industri merupakan salah satu kriteria kecemerlangan bagi menilai politeknik yang menonjol dalam usaha mereka menyediakan latihan dan pembangunan kemahiran industri kepada agensi swasta, industri, badan kerajaan dan komuniti. Kriteria ini menilai pencapaian luar biasa politeknik dalam memperkuuh tenaga kerja industri melalui program latihan yang inovatif, efektif dan relevan dengan keperluan semasa industri.

Program ini merupakan satu inisiatif yang diwujudkan bagi mentransformasikan rakyat Malaysia dalam usaha mempersiapkan modal insan yang berpengetahuan dan berkemahiran. Penekanan terhadap PSH dijelaskan di dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) (PPPM (PT)) di bawah Lonjakan 3: Menghayati Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH). Bagi mencapai sasaran tersebut, Pelan Induk Pembudayaan PSH Nasional 2011-2020 telah menggariskan

beberapa strategi dan inisiatif yang perlu dilaksanakan dan dicapai oleh semua Kementerian/Jabatan/Agensi Pelaksana PSH mulai tahun 2011 hingga tahun 2020.

Di politeknik, program *Time-Sector Privatisation* (TSP) atau Penswastaan Sektor Masa telah diperkenalkan oleh Y.B Menteri Pendidikan Malaysia pada 21 Januari 1994 yang bertujuan meningkatkan keupayaan tenaga kerja industri. TSP adalah program kerjasama yang membenarkan pihak industri dan orang awam menggunakan kepakaran dalaman dan juga kemudahan latihan sedia ada dalam institusi ke arah mengoptimalkan sumber. Program TSP ini bertujuan melahirkan lebih ramai tenaga kerja mahir yang berketerampilan dengan menggunakan sumber dalaman yang ada secara menyeluruh dan berkesan serta mengeratkan hubungan dua hala di antara institusi teknikal dan vokasional dengan industri.

Penekanan ini juga dijelaskan dalam Hala Tuju Transformasi Politeknik 2023-2030 melalui Agenda Pembaharuan Kritikal (CRA) ke-8 iaitu memperkasakan TSP bagi menyediakan pembelajaran sepanjang hayat kepada pekerja industri yang merupakan objektif strategik dalam mencapai matlamat mencipta jenama Politeknik Malaysia sebagai pusat *reskilling, upskilling* dan pendidikan lanjutan.

Dalam menilai kriteria penyedia latihan peningkatan kemahiran industri, beberapa aspek penting yang diambil kira iaitu penglibatan di dalam pelaksanaan program peningkatan kemahiran industri. Penglibatan dengan pihak industri ini dinilai melalui peratusan pencapaian KPI penyertaan yang telah ditetapkan mengikut kategori politeknik dan bilangan program latihan peningkatan kemahiran industri yang menghasilkan pensijilan yang diiktiraf.

Selain itu, latihan yang menghasilkan pensijilan yang diiktiraf Badan Profesional/Industri dinilai melalui peratus penyertaan pensijilan yang diiktiraf Badan Profesional/Industri. Penjanaan pendapatan penyedia latihan juga antara kriteria yang nilai melalui penjanaan Akaun Amanah melalui program peningkatan kemahiran dan penilaian sumber pendanaan latihan peningkatan kemahiran.

Aspek terakhir yang dinilai dalam kriteria ini adalah ketampakan institusi sebagai penyedia latihan melalui kekerapan industri yang sama menjalani latihan di institusi

yang sama. Semua kriteria ini dibangunkan bagi mengukur penglibatan politeknik bersama industri dalam membangunkan bakat TVET dan menyediakan pekerja mahir yang mampu meningkatkan produktiviti industri.

Penilaian kriteria dibangunkan oleh Bahagian Kolaborasi Industri dan Komuniti (BKIK), Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK). Kriteria ini terdiri daripada tiga (3) penilaian rubrik mengikut kategori politeknik.

### **Kaedah Penilaian**

Penilaian kriteria mengambil kira pencapaian keseluruhan yang merujuk kepada tiga (3) dimensi utama iaitu;

- a. Aktiviti/program peningkatan kemahiran industri;

Dimensi ini mengukur penyertaan pekerja industri dalam program pembelajaran sepanjang hayat yang dilaksanakan di politeknik, program latihan peningkatan kemahiran industri yang menghasilkan pensijilan yang diiktiraf dan penyertaan peserta dalam program pensijilan yang diiktiraf badan profesional/industri.

- b. Penjanaan pendapatan penyedia latihan;

Penjanaan pendapatan diukur melalui jumlah penjanaan akaun amanah yang diperolehi oleh politeknik. Selain itu, dimensi ini juga memberi fokus kepada sumber pendanaan latihan peningkatan kemahiran melalui pembiayaan oleh badan pendanaan latihan seperti HRDCorp, PERKESO, MDEC, AIM dan lain-lain berkaitan mahupun secara individu.

- c. Imej penyedia latihan yang memperlihatkan institusi sebagai penyedia latihan yang relevan.

Dimensi ini mengambil kira ketampakan politeknik sebagai penyedia latihan yang andal melalui kekerapan industri yang sama secara konsisten memilih untuk menjalani program latihan di politeknik yang sama.

Kaedah penilaian ini sebagai panduan kepada politeknik dalam meningkatkan kualiti dan produktiviti institusi sebagai Penyedia Latihan Peningkatan Kemahiran Industri dengan mendorong persaingan yang positif. Penilaian ini adalah berdasarkan kepada aktiviti/program peningkatan kemahiran industri, penjanaan pendapatan akaun amanah, imej penyedia latihan dan impak yang relevan dengan hala tuju, visi dan misi POLYCC.

### **Instrumen Penilaian**

Rujuk Lampiran 5.

#### **3.2.6 PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT (PSH) KOLEJ KOMUNITI**

Kriteria Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) Kolej Komuniti mengambil kira data pencapaian yang diisi oleh institusi melalui Sistem ePSH dan borang maklum balas peserta yang berjaya menjana/meningkatkan pendapatan. Penilaian penganugerahan dibuat oleh Bahagian Kolaborasi Industri dan Komuniti (BKIK), Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK).

Pada 20 April 2005, Jemaah Menteri meluluskan pelan pelaksanaan Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH), menjadikan kolej komuniti sebagai hab PSH. Agenda PSH dilaksanakan pada 2007 melalui Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) yang menekankan kepentingan membudayakan PSH. Pada tahun 2011, Pelan Induk Pembudayaan Pembelajaran Sepanjang Hayat dilancarkan, dan agenda ini terus diperkuuh melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) dan Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK-12), yang menekankan pengukuhan PSH.

PSH juga menjadi sebahagian daripada inisiatif Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB) 2030, bertujuan meningkatkan taraf hidup rakyat menjelang 2030. Di bawah Ekonomi MADANI, PSH memberi tumpuan kepada pembaharuan pendidikan dan sumber manusia, menyediakan laluan pembelajaran sepanjang hayat untuk semua. Fokus PSH turut dimasukkan dalam lima (5) keutamaan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) 2024 iaitu:

- a. Penyediaan Bakat Terbaik Negara
- b. Pengukuhan Ekosistem Penyelidikan & Inovasi
- c. Pelaksanaan Pendekatan Baharu Program Pemindahan & Perkongsian Ilmu
- d. Pengantarabangsaan Pendidikan Tinggi
- e. Pemantapan Ekosistem Pemboleh Daya

Dua (2) dimensi yang dinilai dalam rubrik kriteria PSH kolej komuniti adalah:

- a. Akses Pendidikan dan Kemahiran yang merangkumi kriteria berikut:
  - i. Program PSH;
  - ii. Program Pendidikan Islam Sepanjang Hayat; dan
  - iii. Program PSH berstruktur.
- b. Program Berimpak Tinggi yang merangkumi kriteria berikut:
  - i. Program PSH dengan pendanaan;
  - ii. Penjanaan pendapatan peserta PSH;
  - iii. Program dengan kolaborasi/kerjasama pihak luar; dan
  - iv. Program dengan penerapan elemen teknologi digital.

Sehingga 2023, 173,525 kursus dengan 3,615,816 juta penyertaan dalam program PSH di seluruh kolej komuniti Malaysia telah direkodkan. Berdasarkan jumlah yang telah direkodkan, pelaksanaan kriteria ini memberi impak kepada penyertaan komuniti dalam program-program PSH di kolej komuniti seterusnya:

- a. Meningkatkan kemahiran, teknologi digital dan keusahawanan kepada kumpulan sasaran;
- b. Meningkatkan sosio ekonomi komuniti melalui penjanaan pendapatan setelah dibekalkan dengan kemahiran;
- c. Meningkatkan jumlah komuniti berkemahiran yang dapat meningkatkan kualiti hidup dan peluang menjana pendapatan;
- d. Menghasilkan produk sendiri dalam pelbagai bidang;
- e. Menyediakan perkhidmatan secara mudah alih seperti spa dan gunting rambut; dan
- f. Mengembangkan perniagaan dengan membuka premis perniagaan sama kedai, kiosk, secara dalam talian dan mudah alih.

## **Kaedah Penilaian**

Kriteria penilaian Program PSH mengambil kira pencapaian keseluruhan yang merujuk kepada dua (2) dimensi utama iaitu;

- a. Akses pendidikan dan kemahiran yang merangkumi kriteria berikut:
  - i. Penyertaan komuniti dalam Program PSH;
  - ii. Pelaksanaan Program Pendidikan Islam Sepanjang Hayat (PISH); dan
  - iii. Pelaksanaan Program PSH berstruktur (contoh: PSH Bermodul dan Micro-Credentials)
- b. Pelaksanaan program/aktiviti berimpak seperti berikut:
  - i. Program PSH dengan pendanaan atau projek khas pada tahun semasa;
  - ii. Program PSH yang perlu dilaporkan kepada pihak kementerian mengikut keperluan pada tahun semasa;
  - iii. Peserta yang menjana/meningkatkan pendapatan;
  - iv. Program dengan kolaborasi/kerjasama pihak luar; atau
  - v. Program dengan penerapan elemen teknologi digital.

Proses penilaian melibatkan langkah-langkah berikut:

- a. Proses analisis data mentah yang diekstrak daripada Sistem ePSH dan borang maklum balas peserta yang menjana/meningkatkan pendapatan untuk mendapatkan skor pencapaian yang diperoleh institusi berdasarkan data pencapaian yang telah diisi dan divalidasi oleh Pemilik Proses KPI di JPPKK.
- b. Pengisian skor dalam rubrik Kriteria PSH Kolej Komuniti.

## **Instrumen Penilaian**

Rujuk Lampiran 6.

### **3.2.7 PENGURUSAN PENTAKSIRAN DAN PENILAIAN**

Kriteria kecemerlangan ini bertujuan untuk menilai pencapaian politeknik dan kolej komuniti daripada segi pengurusan peperiksaan dan penilaian di POLYCC berdasarkan beberapa kriteria penilaian utama, iaitu:

- a. Inovasi/amalan baik dalam pengurusan dan pentaksiran;

- b. Tadbir urus pentaksiran dan penilaian yang cekap; dan
- c. Pengurusan data yang efektif.

Pendekatan ini dijadikan sebagai strategi utama dalam mengukur dan memastikan semua proses berkaitan pengurusan peperiksaan dan penilaian di POLYCC berjalan lancar dan mengikut prosedur yang ditetapkan, sekaligus meningkatkan kualiti hasil pembelajaran. Selain itu, usaha ini juga bertujuan untuk :

- a. Meningkatkan serta memberi galakan kepada unit peperiksaan di institusi untuk aktif dalam melakukan inovasi dan penambahbaikan terhadap prosedur pengurusan peperiksaan dan penilaian.
- b. Ia juga memberi pendedahan kepada unit peperiksaan berkaitan kepentingan ekosistem inovasi dalam tadbir urus di Unit Peperiksaan agar selari dengan Ionjakan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2015-2025 (Pendidikan Tinggi).
- c. Jabatan dapat melihat sejauh mana pelaksanaan pengurusan peperiksaan seperti mengurus, menyelaras, mengawal selia serta menambahbaik aktiviti berkaitan pentaksiran dan penilaian di peringkat POLYCC. Melalui pendekatan ini, pemantauan dari segi perancangan dan pengurusan sistem pengurusan data dan pendigitalan rekod lulusan politeknik dan kolej komuniti juga dapat dilaksanakan.

### **Kaedah Penilaian**

Proses penilaian dibuat oleh Bahagian Peperiksaan dan Penilaian (BPN), JPPKK. Kriteria penilaian yang digunakan merujuk kepada pengurusan peperiksaan dan penilaian di POLYCC termasuk perkara-perkara berikut:

- a. Inovasi/amalan baik dalam pengurusan dan pentaksiran.  
Ini merujuk kepada tindakan penambahbaikan berkaitan pengurusan aktiviti pentaksiran yang dibentangkan dan dilaporkan di platform berkaitan.
- b. Tadbir urus yang cekap meliputi perkara berikut:
  - i. Pengurusan jadual waktu/takwim peperiksaan POLYCC.

- ii. Pelaksanaan Taklimat Peperiksaan Akhir di POLYCC.
  - iii. Pelaksanaan Bengkel Penggubalan Item dan Peraturan Pemarkahan Peperiksaan Akhir/Penilaian Akhir Semester mengikut takwim pentaksiran.
  - iv. Inisiatif pegawai peperiksaan melaksanakan latihan kepada pensyarah di POLYCC berkaitan pentaksiran dan penilaian.
- c. Pengurusan data
- i. Pengurusan data lulusan bagi tujuan Mesyuarat Lembaga Peperiksaan dan Penganugerahan Sijil/Diploma Politeknik atau Mesyuarat Jawatankuasa Peperiksaan Pusat Kolej Komuniti.
  - ii. Pelaksanaan pendigitalan rekod lulusan (*mastersheet*).

Proses penilaian melibatkan proses analisis data mentah yang dikumpul melalui storan awan Google Unit Penilaian (UP). Penilaian kriteria ini dilaksanakan dengan menggunakan rubrik pemarkahan kepada semua POLYCC. Kaedah penilaian ini sebagai panduan kepada Unit Peperiksaan POLYCC bagi memantapkan lagi proses pengurusan peperiksaan dan penilaian agar lebih cekap dan sistematik serta mendorong persaingan yang positif. Penilaian ini adalah berdasarkan kepada prestasi, hasil kerja, keberhasilan dan impak yang relevan dengan hala tuju, visi dan misi POLYCC.

### **Instrumen Penilaian**

Rujuk Lampiran 7.

### **3.2.8 PENGURUSAN KEWANGAN**

Pengurusan Kewangan merupakan langkah yang diatur dalam merancang dan mengawal perbelanjaan bagi membolehkan institusi mencapai dimensi untuk memantapkan pengurusan kewangan dan mencapai tahap prestasi perbelanjaan yang optimum. Penetapan dimensi bagi kriteria adalah mencakupi keseluruhan aspek pengurusan kewangan.

Bagi meningkatkan pengurusan kewangan yang teratur, beberapa subkriteria kecemerlangan telah dibangunkan bagi menilai tahap pencapaian institusi dalam pengurusan kewangan tersebut yang merangkumi aspek Pencapaian Perancangan Perolehan Tahunan berdasarkan Laporan Perancangan Perolehan Tahunan (PPT), Pencapaian 100% Pemeriksaan Aset dan Pencapaian Empat (4) Kadar Pusingan Stok.

Penilaian tersebut akan dilaksanakan oleh Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP), JPPKK dengan mengambil kira pematuhan institusi kepada peraturan semasa yang sedang berkuatkuasa. Sekiranya institusi yang dinilai memperoleh markah yang setara, Laporan Prestasi Proses Pembayaran Bil/Invois sempurna daripada Sistem Perakaunan Pengurusan dan Kewangan Kerajaan Bersepadu (iGFMAS) akan dijadikan sebagai kriteria penilaian tambahan. Kaedah penilaian kriteria tambahan ini adalah berdasarkan peratusan tertinggi bilangan bil dibayar pada hari yang sama sehingga hari ke-7.

Pelaksanaan penilaian berdasarkan kriteria memberi impak yang besar kepada institusi kerana ia merupakan tunggak utama kepada pencapaian prestasi perbelanjaan institusi dalam menguruskan elemen-elemen kewangan. Pengurusan kewangan yang teratur juga merupakan cerminan kepada kecekapan sesebuah organisasi.

### **Kaedah Penilaian**

Kriteria penilaian adalah berdasarkan perkara berikut:

- a. Perancangan Perolehan Tahunan – berdasarkan Laporan Perancangan Perolehan Tahunan (PPT) secara sukuan/tahunan bagi tahun yang dinilai. PPT merupakan perancangan institusi untuk melaksanakan perolehan bagi tahun berikutnya. PPT perlu disediakan bagi semua kategori perolehan (bekalan, perkhidmatan dan kerja) yang menggunakan peruntukan Persekutuan di bawah Belanja Mengurus, Belanja Pembangunan atau sumber peruntukan lain untuk semua kaedah perolehan. Maklumat PPT tersebut perlu dikunci masuk oleh institusi melalui sistem ePerolehan selaras dengan peraturan dan tatacara yang sedang berkuat kuasa selewat-lewatnya

pada 15 Januari setiap tahun. Mekanisme penilaian bagi elemen ini adalah berdasarkan kepada kejayaan institusi mengiklankan perolehan di dalam Sistem ePerolehan.

- b. Pencapaian 100% Pemeriksaan Aset – berdasarkan pencapaian 100%. Pemeriksaan Aset Tahunan berdasarkan Laporan Pemeriksaan Aset secara sukuan/tahunan bagi tahun yang dinilai. Selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan AM 2.4 Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan: Semua PTJ hendaklah memastikan Pemeriksaan ke atas semua Aset Alih dilaksanakan seratus peratus (100%) dan pemeriksaan boleh dilaksanakan sepanjang tahun pada tahun semasa secara berperingkat. Pemeriksaan Aset Alih hendaklah dikunci masuk menggunakan Sistem Pemantauan Pengurusan Aset (SPPA).
- c. Pencapaian Empat (4) Kadar Pusingan Stok - Semua stor hendaklah mencapai kadar pusingan stok tahunan sekurang-kurangnya empat (4) kadar pusingan bagi tahun yang dinilai. Selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan AM 6.1 Tatacara Pengurusan Stor Kerajaan: Stor yang diuruskan dengan baik merupakan stor yang mencapai kadar pusingan tertinggi dan dapat memenuhi keperluan pengguna. Semua stor hendaklah mencapai kadar pusingan stok tahunan sekurang-kurangnya empat (4) kadar pusingan. Kadar Pusingan Stok hendaklah berdasarkan Sistem Pengurusan Stok (SPS).

### **Instrumen Penilaian**

Rujuk Lampiran 8.

#### **3.2.9 KELESTARIAN AMBILAN PELAJAR**

Kriteria kecemerlangan ini bertumpu kepada pencapaian berdasarkan beberapa peratusan utama, iaitu:

- a. Peratus pendaftaran pelajar baharu,
- b. Peratus pendaftaran program yang ditawarkan di institusi, dan
- c. Peratus enrolmen yang memenuhi kapasiti institusi.

Pendekatan ini dijadikan sebagai strategi utama dalam mencapai sasaran seramai 300,000 pelajar menjelang tahun 2035, di bawah Agenda Pembaharuan Kritikal (CRA) ke-11, yang berfokus kepada Perluasan Akses. Inisiatif ini juga merupakan komponen penting dalam Pelan Hala Tuju Transformasi Politeknik 2023–2035 serta agenda pemerkasaan Kolej Komuniti, yang bertujuan meningkatkan capaian pendidikan teknikal dan vokasional di seluruh negara.

Selain itu, usaha untuk meningkatkan peratusan pendaftaran pelajar baharu juga melibatkan promosi yang progresif melalui media sosial dan kerjasama dengan industri. Pihak institusi berusaha menjalin hubungan strategik dengan syarikat swasta dan badan kerajaan dalam menyediakan latihan praktikal dan peluang pekerjaan bagi pelajar sekaligus mempromosikan program di politeknik dan kolej komuniti. Ini bukan sahaja dapat meningkatkan daya tarikan program yang ditawarkan, tetapi juga memastikan graduan memiliki kemahiran yang relevan dengan keperluan pasaran kerja.

Dengan penekanan kepada data analitik dan penilaian berterusan, institusi juga dapat mengenal pasti bidang yang perlu diperbaiki dan menyesuaikan program dengan keperluan semasa. Melalui pendekatan ini, diharapkan institusi dapat menjadi pusat kecemerlangan yang bukan sahaja memenuhi matlamat enrolmen, tetapi juga melahirkan tenaga kerja yang berkualiti dan kompetitif di peringkat global.

### **Kaedah Penilaian**

Penilaian adalah berdasarkan pencapaian institusi dalam mencapai 90% pendaftaran pelajar baharu Sesi I (ambilan perdana) tahun semasa. Penilaian juga mengambil kira peratusan pencapaian 80% pendaftaran program yang ditawarkan di institusi yang dinilai bagi pendaftaran pelajar Sesi I (ambilan perdana) tahun yang dinilai. Pencapaian enrolmen yang memenuhi kapasiti institusi akan dinilai bagi tahun yang dinilai:

<b>POLITEKNIK PREMIER</b>	<b>POLITEKNIK KONVENTSIONAL</b>	<b>POLITEKNIK METRO</b>	<b>K. KOMUNITI KLUSTER 1</b>	<b>K. KOMUNITI KLUSTER 2</b>	<b>K. KOMUNITI KLUSTER 3</b>
85%	85%	80%	80%	80%	70%

POLYCC yang mencapai skor pencapaian dengan mengambil kira telah mencapai sasaran bagi semua KPI pada tahun yang dinilai:

- a. Pendaftaran Pelajar Baharu Sesi I

Peratus pendaftaran pelajar baharu Sesi I 2024/2025 yang mendaftar.

$$Peratus\ pendaftaran\ pelajar = \frac{Daftar}{Norma} \times 100$$

- b. Peratus pendaftaran program yang ditawarkan di institusi mencapai 85%

$$Peratus\ pendaftaran\ pelajar = \frac{Jumlah\ program\ yang\ penuh}{Jumlah\ Program\ Yang\ Ditawarkan} \times 100$$

- c. Peratusan enrolmen berbanding kapasiti semasa

$$Peratus\ enrolmen\ pelajar = \frac{Enrolmen}{Kapasiti\ Semasa} \times 100$$

## Instrumen Penilaian

Rujuk Lampiran 9.

### 3.2.10 PEMBELAJARAN DIGITAL

Pembelajaran digital merupakan salah satu kriteria kecemerlangan yang dilaksanakan oleh Unit Pembelajaran Digital (UPD), Bahagian Instruksional dan Pembelajaran Digital (BIPD), JPPKK. Penilaian dibuat berdasarkan kepada data penggunaan yang direkod oleh Learning Management System (LMS) CIDOS 4.0. Di samping itu, penilaian akan dilaksanakan berdasarkan laporan pembelajaran digital yang dikumpul.

Pelan Pembangunan Pendidikan Tinggi Malaysia (PPPTM) 2020-2025 menekankan pembelajaran dalam talian global sebagai komponen penting dalam pendidikan tinggi Malaysia. Ia merangkumi pengembangan platform dalam talian, pendekatan pembelajaran hibrid, kerjasama dengan rakan global, jaminan kualiti, dan integrasi pembelajaran dalam talian dalam TVET. Ini bertujuan menjadikan pendidikan lebih inklusif dan berdaya saing di peringkat global.

Selain itu, JPPKK merupakan agensi pertama yang dianugerahkan kontrak langganan pengkomputeran awan selama tiga tahun. Dengan kontrak ini, kriteria yang ditetapkan bertujuan untuk mengoptimumkan capaian dan penggunaan LMS CIDOS 4.0, memastikan bahawa infrastruktur pengkomputeran awan dapat menyokong peningkatan penggunaan, kecekapan, dan akses kepada pembelajaran digital secara berkesan.

Pelaksanaan ini meningkatkan kecekapan capaian LMS CIDOS 4.0, memaksimumkan penggunaan pengkomputeran awan, memperluas akses pembelajaran digital, dan memperkuuh infrastruktur pendidikan bagi memenuhi keperluan pembelajaran moden.

## **Kaedah Penilaian**

Kriteria penilaian yang digunakan merujuk kepada prestasi pembelajaran dan penyampaian secara dalam talian melalui LMS CIDOS 4.0. Berikut merupakan dimensi penilaian ke atas POLYCC:

- a. Dimensi prestasi pembelajaran dalam talian di dalam LMS CIDOS dinilai melalui subkriteria berikut:
  - i. Peratus Pencapaian Pengguna: Diukur sebaik sahaja pengguna berjaya log masuk ke LMS CIDOS 4.0, menunjukkan capaian dan penggunaan sistem oleh pelajar dan pensyarah.
  - ii. Peratus Blended Learning (Politeknik): Merujuk kepada bilangan pelajar yang berinteraksi dengan bahan-bahan Pembelajaran dan Pengajaran (PdP) serta pentaksiran yang dimuat naik ke dalam platform. Ia menunjukkan sejauh mana pelajar terlibat dalam pendekatan pembelajaran campuran yang memanfaatkan teknologi; atau

Peratus Aktiviti Pemerksaan Pembelajaran Digital (Kolej Komuniti): Aktiviti yang dilaksanakan oleh pihak Kolej Komuniti bagi meningkatkan kualiti pembelajaran digital melibatkan penyertaan pelajar dan pensyarah.

- b. Dimensi prestasi penyampaian dalam talian di dalam LMS CIDOS dinilai melalui subkriteria berikut:
- i. Peratus Bahan PdP Terkumpul: Mengukur jumlah bahan PdP yang dimuat naik ke dalam LMS CIDOS 4.0 oleh pensyarah. Ini mencerminkan komitmen pihak pengajar dalam menyediakan sumber pembelajaran berkualiti kepada pelajar.
  - ii. Peratus Interaksi Bahan PdP: Menggambarkan jumlah interaksi pengguna dengan bahan PdP yang telah dimuat naik ke LMS CIDOS 4.0. Indikator ini penting untuk menilai sejauh mana bahan-bahan yang disediakan digunakan oleh pelajar dalam proses pembelajaran.

### Instrumen Penilaian

Rujuk Lampiran 10(a) dan Lampiran 10(b).

#### **3.2.11 PEMBANGUNAN KOMPETENSI TVET WARGA POLYCC**

Pembangunan kompetensi dilihat sebagai satu elemen yang utama dalam mewujudkan ekosistem TVET yang unggul di era ini. Pelbagai inisiatif telah diambil oleh JPPKK bagi merapatkan jurang kompetensi di antara warga POLYCC dan industri, seperti program sangkutan pensyarah di industri, program pentaulahan profesional, program persijilan profesional, keanggotaan dalam badan profesional dan latihan berunsur *reskilling* dan *upskilling*.

Pembangunan kompetensi TVET warga POLYCC tidak terhad kepada pelajar sahaja dan pembangunan infrastruktur tetapi juga melibatkan staf akademik. Staf akademik perlu sentiasa dilengkapkan dengan pengetahuan dan kemahiran terkini melalui program latihan dan kursus lanjutan agar mereka mampu membimbing pelajar dengan lebih berkesan. Kombinasi antara pembangunan profesional staf akademik dan kemudahan infrastruktur yang berkualiti memastikan POLYCC terus menjadi peneraju dalam melahirkan graduan TVET yang berdaya saing di peringkat nasional dan global.

Bagi mengiktiraf komitmen warga POLYCC dalam usaha ke arah pembangunan kompetensi yang jitu, kriteria Pembangunan Kompetensi TVET bagi menghargai

pencapaian cemerlang POLYCC dari segi penglibatan warga institusi dalam pembangunan kompetensi melalui kriteria penilaian yang telah ditetapkan. Kaedah penilaian ini dijadikan sebagai panduan kepada POLYCC dalam meningkatkan kualiti dan produktiviti institusi dengan mendorong persaingan yang positif. Penilaian ini adalah berdasarkan kepada prestasi, hasil kerja, keberhasilan dan impak yang relevan dengan hala tuju, visi dan misi POLYCC. Penilaian kriteria ini dilaksanakan oleh Bahagian Kompetensi dan Peningkatan Kerjaya (BKPK), JPPKK.

### **Kaedah Penilaian**

Kriteria penilaian merujuk kepada penglibatan warga institusi dalam peningkatan pengetahuan, kemahiran dan pengalaman yang berkaitan dengan bidang pengajaran secara berterusan pada tahun yang dinilai seiring dengan perkembangan teknologi dan amalan baik industri melalui program berikut:

a. Sangkutan Pensyarah di Industri

Definisi : Program interaksi antara pensyarah dan industri secara berstruktur sebagai platform untuk berkongsi pengetahuan dan kemahiran yang berkaitan.

b. Pensijilan Profesional

Definisi : Program yang mendapat pengiktirafan dari badan profesional/agensi/persatuan/industri yang dibenarkan dan membuktikan bahawa Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi (PPPT) mempunyai pengetahuan, pengalaman dan kemahiran tertentu.

c. Keahlian Badan Profesional

Definisi : Gelaran profesional yang membolehkan seseorang untuk melaksanakan perkhidmatan profesional menurut akta tertentu. Data yang diambil kira merujuk kepada data keahlian yang masih aktif sehingga 31 Disember tahun yang dinilai.

d. Penyertaan dalam Program Pentauliahan Profesional JPPKK

Definisi : Program jangka sederhana bertujuan untuk meningkatkan kompetensi PPPT. Program yang berlangsung selama tiga (3) bulan ini berfokus kepada bidang kritikal dan bidang pengajian di POLYCC. Program ini menawarkan persijilan yang diiktiraf badan profesional dan secara tidak langsung dapat mengiktiraf bakat dan kompetensi PPPT seiring dengan keperluan industri.

### **Instrumen Penilaian**

Rujuk Lampiran 11.

#### **3.2.12 INOVASI KREATIF**

Kriteria inovasi kreatif POLYCC merupakan sebuah kriteria yang mengukur prestasi cemerlang institusi bagi menyemarakkan budaya kreatif dan inovatif dalam menghasilkan inovasi yang berkualiti, berimpak tinggi, serta memberi manfaat kepada komuniti dan agensi. Inovasi merupakan satu nilai tambah yang sejajar dengan keperluan pasaran, pengguna, serta konteks sosial dan budaya. Selain itu, kriteria ini mencerminkan amalan pengajaran dan pembelajaran yang menggunakan pendekatan kreatif dan inovatif untuk meningkatkan kualiti pelajar dalam penjanaan idea, teknik, atau strategi baru dalam pembelajaran.

Selaras dengan objektif kerajaan untuk menggalakkan pendidikan berdasarkan inovasi dan meningkatkan daya saing negara dalam bidang teknologi, sains, dan ekonomi kreatif, kriteria ini mampu memperkuuh keupayaan berfikir secara kreatif, menyelesaikan masalah secara inovatif, dan meningkatkan kualiti projek serta produk yang dihasilkan oleh POLYCC.

Penilaian kriteria ini berdasarkan kecemerlangan institusi di peringkat kebangsaan dan antarabangsa dalam tahun yang dinilai. Melalui penerapan kriteria inovasi kreatif, institusi dapat menghasilkan produk dan perkhidmatan yang lebih berkualiti, memenuhi keperluan pengguna, dan meningkatkan kepuasan pelanggan. Penilaian ini dilakukan oleh Unit Inovasi, Pusat Penyelidikan dan Inovasi (PPI), JPPKK.

## **Kaedah Penilaian**

Kriteria penilaian adalah berdasarkan tiga (3) dimensi utama iaitu:

- a. Aktiviti/program pembangunan inovasi

Merujuk kepada penglibatan warga institusi di dalam penganjuran aktiviti/program pembangunan inovasi yang telah dijalankan di peringkat jabatan, institusi, zon, kebangsaan/negara dan juga antarabangsa. Penilaian kriteria adalah dengan menghantar bukti pelaporan dan pengesahan yang didokumentasikan oleh institusi bagi aktiviti/program sebagai pencapaian institusi.

- b. Pencapaian dalam pertandingan inovasi:

Merujuk kepada penglibatan warga institusi (staf dan juga pelajar) di dalam pertandingan inovasi yang telah dijalankan di peringkat antarabangsa dan juga kebangsaan. Penilaian kriteria adalah seperti berikut:

- i. Bilangan produk inovasi staf yang memenangi pingat emas/tempat pertama di pertandingan inovasi peringkat antarabangsa.
- ii. Bilangan produk inovasi staf yang memenangi pingat emas/tempat pertama di peringkat kebangsaan.
- iii. Pencapaian tertinggi projek inovasi pelajar di peringkat antarabangsa.
- iv. Pencapaian tertinggi projek inovasi pelajar di peringkat kebangsaan.

- c. Penyertaan dalam pertandingan inovasi:

Merujuk kepada penglibatan staf dan pelajar di dalam pertandingan inovasi yang telah dijalankan di peringkat antarabangsa dan juga kebangsaan.

Penilaian kriteria adalah seperti berikut:

- i. Bilangan penyertaan staf di dalam penganjuran pertandingan inovasi di peringkat antarabangsa dan kebangsaan pada tahun semasa.
- ii. Bilangan penyertaan pelajar di dalam penganjuran pertandingan inovasi di peringkat antarabangsa dan kebangsaan pada tahun semasa.

## **Instrumen Penilaian**

Rujuk Lampiran 12(a) dan Lampiran 12(b).

### **3.2.13 HARTA INTELEK**

Kriteria harta intelek POLYCC merujuk kepada kemampuan POLYCC dalam mendorong inovasi, kreativiti, dan keaslian produk/perkhidmatan dalam kalangan warga POLYCC. Aspek ini menekankan pentingnya menghasilkan karya intelek yang bukan sahaja bersifat unik dan berdaya cipta, tetapi juga berpotensi memberi impak kepada masyarakat melalui potensi aplikasi praktikal.

Pelaksanaan kriteria harta intelek ini adalah penting bagi memastikan bahawa hasil inovasi yang dihasilkan mendapat perlindungan yang sewajarnya di bawah Hak Eksklusif Harta Intelek, seperti paten atau hak cipta. Ini memberi kelebihan kompetitif kepada POLYCC dalam pasaran dan melindungi hak pencipta terhadap hasil kerja mereka. Dasar pelaksanaan kriteria ini diselaraskan dengan dasar nasional berkaitan inovasi dan pemilikan harta intelek, bagi memastikan sumbangaan POLYCC selaras dengan keperluan industri.

Hal ini mampu mendorong warga POLYCC untuk terus berinovasi dan kreatif dalam menghasilkan karya yang bermanfaat dan berdaya saing. Selain itu, melalui perlindungan harta intelek, ini dapat menggalakkan POLYCC untuk bergerak ke arah pengkomersialan produk/perkhidmatan yang dihasilkan. Secara tidak langsung, ia mampu menjadikan POLYCC sebagai pusat kecemerlangan dalam inovasi. Penilaian kriteria ini dilaksanakan oleh Unit Inovasi, Pusat Penyelidikan dan Inovasi (PPI), JPPKK.

#### **Kaedah Penilaian**

Kriteria penilaian adalah merujuk kepada aktiviti-aktiviti berikut:

- a. Pemfailan Harta Intelek bagi pendaftaran produk/perkhidmatan pada tahun semasa.

Kriteria ini melibatkan Bilangan Pemfailan Harta Intelek yang telah didaftarkan pada tahun semasa yang merujuk kepada jumlah keseluruhan harta intelek yang telah difailkan dan didaftarkan oleh sesebuah institusi pada tahun semasa. Pemfailan hak eksklusif merangkumi kesemua komponen Harta intelek iaitu hak cipta, paten, cap dagangan, reka bentuk perindustrian, dan lain-lain yang diiktiraf secara undang-undang.

Selain itu, kriteria ini juga mengambil kira jumlah permohonan bagi setiap satu komponen yang telah didaftarkan oleh sesebuah institusi pada tahun semasa. Setiap komponen harta intelek mempunyai ciri-ciri dan spesifikasi nilai tertentu terhadap sesuatu produk yang dihasilkan. Bagi pendaftaran komponen paten ia merupakan ciri-ciri produk yang mempunyai impak yang tinggi sehingga ianya boleh dikomersialkan kerana ia terdapat *claim* atau novelti yang dihasilkan tidak terdapat pada mana-mana produk sehingga carian hasil bukti keaslian hingga di peringkat antarabangsa. Oleh itu, hak eksklusif bagi komponen paten tempoh perlindungan adalah selama 20 tahun dan ianya layak dikomersialkan hingga ke peringkat antarabangsa.

Manakala komponen cap dagang adalah merupakan produk atau perkhidmatan yang mempunyai jenama atau identiti tersendiri untuk dikenali dan boleh juga dikomersialkan contohnya logo, simbol, dan slogan. Oleh itu, komponen ini merupakan subkriteria yang diambil kira bilangan pendaftaran yang telah didaftarkan sebagai jenama produk atau perkhidmatan yang telah dihasilkan oleh sesebuah institusi. Selain itu, reka bentuk perindustrian merupakan idea kreatif perekacipta dalam menghasilkan rupa bentuk sesuatu produk yang unik dan lain daripada yang sedia ada dipasaran. Reka bentuk perindustrian ini melindungi rupa bentuk produk dari pelbagai sudut dan bentuk bagi memastikan keaslian rekaan yang dihasilkan itu adalah yang asli dan tidak terdapat di mana-mana tempat atau pasaran. Dengan keunikan dan keaslian reka bentuk produk tersebut ia memberikan nilai estetika yang unik dan menarik.

Subkriteria terakhir yang diambil kira dalam pemarkahan adalah bilangan pemfailan komponen Hak Cipta yang didaftarkan oleh institusi pada tahun semasa. Hak cipta merangkumi perlindungan ke atas karya kreatif seperti buku, muzik, filem, perisian komputer, dan seni yang memberi hak eksklusif kepada pencipta untuk menghasilkan semula, mempamerkan, atau mengedarkan ciptaan tersebut dan tempoh bagi komponen ini adalah selama 50 tahun perlindungan terhadap hak eksklusif tersebut.

- b. Produk/Perkhidmatan Inovasi berpotensi yang diaplikasikan (*Solution Provider*) pada tahun semasa di Agensi/Industri/Institusi/Komuniti pada tahun semasa.

Kriteria ini mengambil kira dua subkriteria utama iaitu bilangan produk/perkhidmatan yang yang diaplikasikan dan bilangan Institusi/Agensi/Komuniti/Industri yang mengaplikasikan produk/perkhidmatan inovasi. Subkriteria ini merujuk kepada jumlah produk atau perkhidmatan yang dihasilkan oleh sebuah institusi yang berjaya diaplikasikan atau digunakan oleh Institusi/Agensi/Komuniti/Industri luar dan bilangan organisasi yang memanfaatkan inovasi untuk meningkatkan keberkesanan, produktiviti atau menawarkan penyelesaian baru kepada masalah tertentu.

- c. Dimensi ketiga menekankan nilai tambah yang dihasilkan oleh produk atau perkhidmatan, bukan sahaja dari aspek manfaat kepada pengguna, malah turut meningkatkan daya saingnya. Terdapat dua subkriteria dalam penilaian kriteria ini termasuk:
- i. Produk atau perkhidmatan yang mempunyai reka bentuk yang menawan dan unik, serta mudah dibawa, bukan sekadar menawarkan kemudahan kepada pengguna, malah memberikan pengalaman yang memuaskan dan nilai tambah yang berpanjangan. Rupa bentuk yang inovatif ini menjadi pamacu kepada pengekalan pelanggan serta menarik minat pengguna baharu.
  - ii. Produk atau perkhidmatan yang berdaya saing dinilai berdasarkan jalinan kerjasama dengan pelbagai pihak, termasuk rakan kongsi strategik dan institusi serta melalui pengiktirafan anugerah atau pensijilan daripada badan-badan profesional yang diiktiraf. Kecenderungan Produk/Perkhidmatan Inovasi yang telah hasilkan oleh institusi dinilai tahap keberkesanan sesuatu produk/perkhidmatan tersebut melalui pembuktian yang diberikan oleh Agensi/Industri/Institusi/Komuniti terhadap produk/perkhidmatan yang dihasilkan oleh POLYCC dapat memenuhi kriteria inovasi yang diaplikasikan pada tahun semasa.

- d. Dimensi keempat menekankan kepentingan maklum balas pengguna sebagai penanda aras dalam menilai kejayaan sesuatu produk atau perkhidmatan. Dimensi ini mengintegrasikan tiga kriteria utama yang bukan sahaja mengukur keberkesanannya tetapi juga impak yang dicipta terhadap komuniti, industri, dan institusi.
- i. Kriteria pertama melibatkan pengujian dan penggunaan produk oleh pengguna/organisasi berkaitan, di mana ia dilihat melalui keupayaannya dalam menyelesaikan masalah sebenar yang dihadapi oleh pengguna. Pengesahan penggunaan dalam konteks yang praktikal ini menjadi bukti keberkesanannya produk atau perkhidmatan tersebut dalam menangani cabaran dan keperluan semasa.
  - ii. Kriteria kedua memberi tumpuan kepada pengkomersialan produk atau perkhidmatan pada tahun semasa. Pengaplikasian produk dalam pasaran yang nyata membuktikan keupayaannya untuk diadaptasi dan diterima secara meluas, sekali gus mencipta peluang yang berterusan serta meningkatkan nilai komersialnya.
  - iii. Kriteria ketiga, kepuasan pengguna, menjadi indikator yang penting dalam menilai keberhasilan produk. Kepuasan ini dinilai berdasarkan impaknya daripada aspek kerjasama yang lebih baik, peningkatan dalam operasi, penerimaan teknologi, hingga kepada manfaat sosial yang lebih besar. Kepuasan pengguna ini disokong melalui pelaporan dan pengesahan yang didokumentasikan.

Kesimpulannya, kriteria penilaian harta intelek POLYCC mengukur produk atau perkhidmatan inovasi meliputi pelbagai aspek penting yang menjamin keupayaannya bersaing di pasaran serta memberikan nilai kepada pengguna dan industri. Pemfailan Harta Intelek adalah elemen utama yang melindungi hak eksklusif ciptaan inovasi seperti paten, cap dagangan, reka bentuk perindustrian, dan hak cipta, sekaligus membuka ruang kepada pengkomersialan di peringkat seterusnya. Selain itu, produk dan perkhidmatan dinilai berdasarkan reka bentuk unik, kemudahan penggunaan, serta daya tarikan kepada pengguna baharu. Pengiktirafan daripada badan

profesional serta kerjasama strategik turut menjadi faktor penting yang meningkatkan daya saing dan kredibiliti di pasaran.

Di samping itu, maklum balas pengguna memainkan peranan penting dalam mengukur keberkesan produk. Pengujian oleh komuniti, pengkomersialan yang berjaya, dan kepuasan pengguna menjadi bukti bahawa inovasi yang dihasilkan mampu menyelesaikan masalah sebenar dan memberikan impak ekonomi, sosial, dan teknologi yang signifikan. Gabungan perlindungan harta intelek, penerimaan pasaran, serta kepuasan pengguna memastikan inovasi bukan sahaja memenuhi keperluan semasa, tetapi juga membawa nilai tambah yang berpanjangan kepada pelbagai pihak dalam ekosistem industri.

## **Instrumen Penilaian**

Rujuk Lampiran 13.

## **4.0 PENUTUP**

Secara kesimpulan, Garis Panduan Anugerah Kecemerlangan POLYCC dibangunkan dengan visi untuk menjadi rujukan yang komprehensif bagi warga POLYCC dalam mencapai kecemerlangan yang unggul. Dengan menilai prestasi institusi berdasarkan 13 kriteria utama, anugerah ini berfungsi sebagai penanda aras dalam mengukur kejayaan institusi dalam pelbagai dimensi, termasuk prestasi akademik, kolaborasi industri, inovasi, serta kelestarian pengurusan. Setiap kriteria yang dinilai mencerminkan komitmen POLYCC dalam memastikan perkhidmatan pendidikan yang berkualiti tinggi serta kemampunan masa hadapan bagi graduan dan institusi.

Pelaksanaan garis panduan ini bukan sahaja memastikan penilaian yang adil dan menyeluruh, tetapi turut memacu institusi untuk terus memperkasakan program-program yang relevan dan memenuhi keperluan industri serta masyarakat. Pencapaian dalam aspek seperti kebolehpasaran graduan, pembelajaran sepanjang hayat, dan pembelajaran digital adalah cerminan kepada keupayaan POLYCC untuk mengadaptasi perubahan global dan menyediakan peluang yang berterusan bagi peningkatan kemahiran warga institusi. Lebih penting lagi, anugerah ini mendorong

penglibatan aktif dalam inovasi kreatif serta perlindungan harta intelek, yang menjadi pemangkin kepada kecemerlangan jangka panjang.

Secara keseluruhannya, garis panduan ini mengukuhkan peranan POLYCC sebagai institusi yang komited dalam melahirkan graduan yang berkualiti tinggi dan berdaya saing di pasaran. Amalan nilai-nilai kecemerlangan menggalakkan institusi untuk terus berperanan sebagai peneraju dalam Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET), sekaligus menyumbang kepada kemajuan industri serta kesejahteraan komuniti. Melalui pengiktirafan dan anugerah ini, POLYCC bakal terus menempatkan diri di barisan hadapan dalam menghasilkan impak yang berkesan dan berterusan.

## **LAMPIRAN RUBRIK PEMARKAHAN**

## LAMPIRAN 1 : RUBRIK PENCAPAIAN PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)

Dimensi	Kriteria	Sub-Kriteria	Sasaran	Pencapaian	Wajaran	Skor
Menghasilkan Graduan TVET Berkualiti	Menghasilkan graduan yang berkualiti dan mengikut/menepati keperluan industri	Peratus kebolehpasaran graduan politeknik dan kolej komuniti				$\frac{\text{Pencapaian}}{\text{Sasaran}} \times \text{Wajaran}$
	Memantapkan ekosistem keusahawanan bersinergi yang holistik dan bersepada	Peratus graduan yang menceburi bidang keusahawanan atau bekerja sendiri				$\frac{\text{Pencapaian}}{\text{Sasaran}} \times \text{Wajaran}$
	Malahirkan graduan berciri global	Peratus pelajar lepasan SPM/setaraf mendaftar di politeknik dan kolej komuniti berdasarkan norma				$\frac{\text{Pencapaian}}{\text{Sasaran}} \times \text{Wajaran}$
		Bilangan program pembangunan pelajar berciri holistik				$\frac{\text{Pencapaian}}{\text{Sasaran}} \times \text{Wajaran}$
Memantapkan Governan yang Responsif dan Mampan	Melestari tadbir urus yang berakauntabiliti dan cekap	Bilangan pengiktirafan daripada badan/agensi di peringkat kebangsaan atau antarabangsa				$\frac{\text{Pencapaian}}{\text{Sasaran}} \times \text{Wajaran}$
		Bilangan program ke arah kelestarian tadbir urus jabatan/institusi				$\frac{\text{Pencapaian}}{\text{Sasaran}} \times \text{Wajaran}$
	Memperkuuh jenama dan reputasi POLYCC	Bilangan program/aktiviti yang dihebahkan melalui media sosial jabatan/institusi pada tahun semasa				$\frac{\text{Pencapaian}}{\text{Sasaran}} \times \text{Wajaran}$
		Skor prestasi pencapaian Industry Education Centre (IEC) JPPKK				$\frac{\text{Pencapaian}}{\text{Sasaran}} \times \text{Wajaran}$

		Skor kualiti data POLYCC			$\frac{\text{Pencapaian}}{\text{Sasaran}} \times \text{Wajaran}$
Meningkatkan pengurusan kewangan yang cekap dan berhemah		Peratus prestasi perbelanjaan mengurus (B64)			$\frac{\text{Pencapaian}}{\text{Sasaran}} \times \text{Wajaran}$
		Peratus prestasi pengurusan pembayaran bil dan tuntutan dalam tempoh tujuh (7) hari selepas dokumen lengkap diterima			$\frac{\text{Pencapaian}}{\text{Sasaran}} \times \text{Wajaran}$
Pemerkasaan Bakat	Mempergiat perkongsian pengetahuan antara PPPT dan pengamal industri secara berterusan.	Peratus pensyarah bagi kursus teras bidang di institusi memiliki kemahiran industri pada tahun semasa			$\frac{\text{Pencapaian}}{\text{Sasaran}} \times \text{Wajaran}$
Memperkuuh Kolaborasi Industri,Komuniti dan Alumni	Memperkuuh jaringan industri-institusi	Bilangan industri yang bekerjasama dengan institusi bagi menghasilkan kolaborasi berimpak tinggi			$\frac{\text{Pencapaian}}{\text{Sasaran}} \times \text{Wajaran}$
Membudaya Penyelidikan dan Inovasi	Memperkasakan ekosistem penyelidikan, inovasi dan pemindahan teknologi	Bilangan kertas penyelidikan yang diterbitkan oleh warga politeknik dan kolej komuniti pada tahun semasa			$\frac{\text{Pencapaian}}{\text{Sasaran}} \times \text{Wajaran}$
		Bilangan produk inovasi yang diaplikasikan pada tahun semasa			$\frac{\text{Pencapaian}}{\text{Sasaran}} \times \text{Wajaran}$
Memperkuuh Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH)	Melahirkan komuniti berkemahiran	Bilangan penyertaan program pembelajaran sepanjang hayat pada tahun semasa			$\frac{\text{Pencapaian}}{\text{Sasaran}} \times \text{Wajaran}$
<b>JUMLAH</b>					<b>/100</b>

**LAMPIRAN 2(a) : RUBRIK INDUSTRY EDUCATION CENTRE (IEC) - COT**

DIMENSI	KRITERIA	SUB-KRITERIA	WAJARAN	SKALA PEMARKAHAN					SKOR
				5	4	3	2	1	
Kolaborasi dan Rangkaian Centre of Technology (COT)	Kolaborasi Aktif dan Aktiviti Pemindahan Pengetahuan	Kolaborasi Aktif	2	Lebih daripada 5 bilangan kolaborasi aktif dengan sekurang-kurangnya 2 aktiviti/projek untuk setiap kolaborasi	4 bilangan kolaborasi aktif dengan sekurang-kurangnya 2 aktiviti/projek untuk setiap kolaborasi	3 bilangan kolaborasi aktif dengan sekurang-kurangnya 2 aktiviti/projek untuk setiap kolaborasi	2 bilangan kolaborasi aktif dengan sekurang-kurangnya 2 aktiviti/projek untuk setiap kolaborasi	1 bilangan kolaborasi aktif dengan sekurang-kurangnya 2 aktiviti/projek untuk setiap kolaborasi	— X 2 =
		Projek/Aktiviti berkaitan pemindahan pengetahuan (tidak termasuk perkhidmatan kepakaran)	2	Lebih daripada 5 pelaksanaan aktiviti pemindahan pengetahuan (tidak termasuk perkhidmatan kepakaran)	4 bilangan pelaksanaan aktiviti pemindahan pengetahuan (tidak termasuk perkhidmatan kepakaran)	3 bilangan pelaksanaan aktiviti pemindahan pengetahuan (tidak termasuk perkhidmatan kepakaran)	2 bilangan pelaksanaan aktiviti pemindahan pengetahuan (tidak termasuk perkhidmatan kepakaran)	1 bilangan pelaksanaan aktiviti pemindahan pengetahuan (tidak termasuk perkhidmatan kepakaran)	— X 2 =
	Elemen Penyelidikan, Inovasi dan Perkhidmatan Kepakaran	Penyediaan proposal dan pelaksanaan aktiviti penyelidikan/inovasi yang berjaya	2	Lebih daripada 5 bilangan penyediaan proposal dan pelaksanaan aktiviti penyelidikan/inovasi yang berjaya	4 bilangan penyediaan proposal dan pelaksanaan aktiviti penyelidikan/inovasi yang berjaya	3 bilangan penyediaan proposal dan pelaksanaan aktiviti penyelidikan/inovasi yang berjaya	2 bilangan penyediaan proposal dan pelaksanaan aktiviti penyelidikan/inovasi yang berjaya	1 bilangan penyediaan proposal dan pelaksanaan aktiviti penyelidikan/inovasi yang berjaya	— X 2 =

		Aktiviti penyelidikan dan projek inovasi yang telah lengkap	2	Lebih daripada 5 bilangan pelaksanaan aktiviti penyelidikan dan projek inovasi yang telah lengkap	4 bilangan pelaksanaan aktiviti penyelidikan dan projek inovasi yang telah lengkap	3 bilangan pelaksanaan aktiviti penyelidikan dan projek inovasi yang telah lengkap	2 bilangan pelaksanaan aktiviti penyelidikan dan projek inovasi yang telah lengkap	1 bilangan pelaksanaan aktiviti penyelidikan dan projek inovasi yang telah lengkap	<u>  </u> X 2 =
		Aktiviti penyelidikan/projek inovasi melalui geran	2	5 bilangan penyelidikan/projek inovasi bergeran	4 bilangan penyelidikan/pr ojek inovasi bergeran	3 bilangan penyelidikan/pr ojek inovasi bergeran	2 bilangan penyelidikan/pr ojek inovasi bergeran	1 bilangan penyelidikan/pr ojek inovasi bergeran	<u>  </u> X 2 =
		Perkhidmatan perundingan (Consultancy services)	2	Lebih daripada 5 perkhidmatan perundingan yang telah selesai dilaksanakan	4 perkhidmatan perundingan yang telah selesai dilaksanakan	3 perkhidmatan perundingan yang telah selesai dilaksanakan	2 bilangan perkhidmatan perundingan yang sedang dijalankan	1 bilangan perkhidmatan perundingan yang sedang dijalankan	<u>  </u> X 2 =
Aktiviti Penerbitan dan Pengiktirafan	Penerbitan dan Pengiktirafan	Penerbitan	2	Sekurang-kurangnya 2 jurnal berindex diterbitkan	Sekurang-kurangnya 4 penerbitan di konferen/prosiding seminar	Sekurang-kurangnya 3 penerbitan di konferen/prosiding seminar	Sekurang-kurangnya 2 buku/jurnal/digest/buletin/periodicals/ISSN/ISBN diterbitkan	Sekurang-kurangnya 1 buku/jurnal/digest/buletin/periodicals/ISSN/ISBN diterbitkan	<u>  </u> X 2 =
		Pengiktirafan dan anugerah	2	Sekurang-kurangnya 5 pengiktirafan peringkat antarabangsa dan memperolehi anugerah emas	Sekurang-kurangnya 5 pengiktirafan peringkat kebangsaan dan memperolehi anugerah emas	Sekurang-kurangnya 3 pengiktirafan peringkat kebangsaan dan memperolehi anugerah emas	Sekurang-kurangnya 5 pengiktirafan dan memperolehi anugerah emas di peringkat politeknik	Sekurang-kurangnya 3 pengiktirafan dan memperolehi anugerah emas di peringkat politeknik	<u>  </u> X 2 =

Aktiviti Pengajaran, Pembelajaran dan Penjanaan Pendapatan COT	Pengajaran dan Pembelajaran	Pembangunan bahan/modul latihan berkaitan pengajaran dan pembelajaran yang diaplikasikan	1	Melebihi 5 bilangan pembangunan bahan/modul latihan berkaitan pengajaran dan pembelajaran yang diaplikasikan di bawah COT berdasarkan standard yang telah ditetapkan	4 bilangan pembangunan bahan/modul latihan berkaitan pengajaran dan pembelajaran yang diaplikasikan di bawah COT berdasarkan standard yang telah ditetapkan	3 bilangan pembangunan bahan/modul latihan berkaitan pengajaran dan pembelajaran yang diaplikasikan di bawah COT berdasarkan standard yang telah ditetapkan	2 bilangan pembangunan bahan/modul latihan berkaitan pengajaran dan pembelajaran yang diaplikasikan di bawah COT berdasarkan standard yang telah ditetapkan	1 bilangan pembangunan bahan/modul latihan berkaitan pengajaran dan pembelajaran yang diaplikasikan di bawah COT berdasarkan standard yang telah ditetapkan	— X 1 =
		Program latihan yang dilaksanakan	1	Melebihi 5 bilangan program latihan yang dilaksanakan beserta bukti pelaksanaan dengan keberhasilan positif	4 bilangan program latihan yang dilaksanakan beserta bukti pelaksanaan dengan keberhasilan positif	3 bilangan program latihan yang dilaksanakan beserta bukti pelaksanaan dengan keberhasilan positif	2 bilangan program latihan yang dilaksanakan beserta bukti pelaksanaan dengan keberhasilan positif	1 bilangan program latihan yang dilaksanakan beserta bukti pelaksanaan dengan keberhasilan positif	— X 1 =
	Penjanaan Pendapatan	Jumlah penjanaan pendapatan dan geran yang diperolehi	2	Julat jumlah penjanaan pendapatan COT di antara RM100,000 dan ke atas	Julat jumlah penjanaan pendapatan COT di antara RM70,000 - RM99,999	Julat jumlah penjanaan pendapatan COT di antara RM30,000 - RM69,999	Julat jumlah penjanaan pendapatan COT di antara RM5,000 - RM29,999	Julat jumlah penjanaan pendapatan COT di antara RM1,000 - RM4,999	— X 2 =
<b>JUMLAH</b>								<b>/100</b>	

**LAMPIRAN 2(b) : RUBRIK INDUSTRY EDUCATION CENTRE (IEC) – IOC**

DIMENSI	KRITERIA	SUB-KRITERIA	WAJARAN	SKALA PEMARKAHAN					SKOR
				5	4	3	2	1	
Perancangan Pengurusan IOC dan Kewangan	Perancangan dan Pelaksanaan IOC yang sistematik dan teratur	Perancangan dan Pelaksanaan Pengurusan IOC (Khidmat Kepakaran)	3	Merancang sekurang-kurangnya 5 atau lebih aktiviti berkaitan khidmat kepakaran bagi tahun semasa (didokumentasikan)	Merancang sekurang-kurangnya 4 aktiviti berkaitan khidmat kepakaran bagi tahun semasa (didokumentasikan)	Merancang sekurang-kurangnya 3 aktiviti berkaitan khidmat kepakaran bagi tahun semasa (didokumentasikan)	Merancang sekurang-kurangnya 2 aktiviti berkaitan khidmat kepakaran bagi tahun semasa (didokumentasikan)	Merancang sekurang-kurangnya 1 aktiviti berkaitan khidmat kepakaran bagi tahun semasa (didokumentasikan)	___ X 3 =
Mod Pelaksanaan IOC	Mod pelaksanaan IOC yang diaplikasikan	Bilangan dokumen bukti pelaksanaan bagi pilihan kategori pelaksanaan IOC	3	Mengemukakan 5 atau lebih dokumen bukti pelaksanaan bagi pilihan kategori pelaksanaan IOC	Mengemukakan 4 dokumen bukti pelaksanaan bagi pilihan kategori pelaksanaan IOC	Mengemukakan 3 dokumen bukti pelaksanaan bagi pilihan kategori pelaksanaan IOC	Mengemukakan 2 dokumen bukti pelaksanaan bagi pilihan kategori pelaksanaan IOC	Mengemukakan 1 dokumen bukti pelaksanaan bagi pilihan kategori pelaksanaan IOC	___ X 3 =
		Carta Perbatuan Pelaksanaan IOC	2	Menyediakan carta perbatuan yang komprehensif dan IOC dilaksanakan mengikut carta perbatuan tersebut	Menyediakan carta perbatuan yang komprehensif tetapi tidak diikuti sepenuhnya	Menyediakan carta perbatuan yang lengkap tetapi pelaksanaan berbeza	Menyediakan carta perbatuan yang tidak lengkap	Tiada carta perbatuan disediakan	___ X 2 =

		Penyelidikan dan Inovasi dalam projek/aktiviti IOC mod pelaksanaan	3	Melaksanakan 5 aktiviti penyelidikan dan inovasi berdasarkan kepada mod pelaksanaan IOC	Melaksanakan 4 aktiviti penyelidikan dan inovasi berdasarkan kepada mod pelaksanaan IOC	Melaksanakan 3 aktiviti penyelidikan dan inovasi berdasarkan kepada mod pelaksanaan IOC	Melaksanakan 2 aktiviti penyelidikan dan inovasi berdasarkan kepada mod pelaksanaan IOC	Melaksanakan 1 aktiviti penyelidikan dan inovasi berdasarkan kepada mod pelaksanaan IOC	<u>  </u> X 3 =
